



پلیتا برونئی

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 4.36 SUBUH 4.46 SYURUK 6.07 DUHA 6.30 ZUHUR 12.18 ASAR 3.38 MAGHRIB 6.26 ISYAK 7.39 Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tuton ditambah 1 minit

TAHUN 69 BILANGAN 56

8 MEI 2024 / 1445 شوال 28

JABATAN PENERANGAN

EDISI RABU PERCUMA

مانیسش ایمان

DARIPADA Abi Sa'id Al-Khudri Radiallahuanha berkata bahawa beliau mendengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesiapa antara kamu melihat kemungkaran hendaklah dia mengubah dengan tangannya; jika tidak sanggup, maka dengan lisannya; dan jika tidak sanggup juga, maka dengan hatinya. Itu adalah selemah-lemah iman".

- (Hadis Riwayat Muslim)

MENGGALAKKAN KEAMANAN, KEHARMONIAN, PERPADUAN PEMIMPIN AGAMA

Siaran Akhbar dan Foto :
Kementerian Hal Ehwal Ugama

SELANGOR, MALAYSIA, Selasa, 7 Mei.
- Rombongan Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah menghadiri International Conference of Religious Leaders yang diadakan hari ini bertempat di Sunway Resort Hotel, Selangor, Malaysia.

>> Muka 3



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Ugama mengetuai rombongan Kementerian Hal Ehwal Ugama menghadiri International Conference of Religious Leaders diadakan di Sunway Resort Hotel, Selangor, Malaysia.

Doa Selamat bagi rombongan Bi'thah Perubatan Haji, warga Kementerian Kesihatan

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Bagi sama-sama meraikan rombongan Bi'thah Perubatan Haji dan warga Kementerian Kesihatan yang bakal menunaikan fardu haji pada tahun ini, kementerian tersebut telah mengadakan Majlis Doa Selamat bagi Rombongan Bi'thah Perubatan Haji dan Bakal Jemaah Haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatiyah, dan diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Rombongan Bi'thah Perubatan Haji bagi Musim Haji 1445 Hijrah, Dr Haji Mohammad Athaillah bin Haji Abdullah.

>> Muka 3

Perluaskan kemahiran, kepakaran anggota bomba

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei.

- Bidang tugas dan tanggungjawab Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), saban hari dilihat semakin meluas serta mencabar yang memerlukan anggotanya untuk sentiasa bersiap sedia menempuh apa jua jenis halangan dan cabaran.

Selain memadam, mencegah dan mengawal kebakaran, tugas dan tanggungjawab JBP juga adalah untuk menyelamatkan nyawa dan harta benda sama ada insiden berkenaan berskala domestik atau berskala industri.

Perkara tersebut dinyatakan oleh Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman pada Majlis Perbarisan

sempena Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-64, Tahun 2024 yang diadakan baru-baru ini di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas.

Malah anggota bomba juga menurut Yang Berhormat, sering dikerahkan untuk menyelamat penduduk di negara ini dari gangguan segala jenis haiwan sama ada liar atau peliharaan, pokok tumbang, tanah susur dan sebagainya.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, melihat kepada luasnya bidang tugas yang digalas oleh pasukan bomba, sudah setentunya memerlukan kepakaran dalam bidang-bidang yang tertentu antaranya dalam memadam kebakaran sama ada kebakaran rumah, hutan, dan kendaraan.

>> Muka 4

Kenaikan pangkat pegawai kanan kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei.

- Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri dengan ini memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan bagi Ahli Kimia Ubat Kanan di Jabatan Perkhidmatan Farmasi,

Siaran Akhbar :
Jabatan Perkhidmatan Awam

Kementerian Kesihatan, Dayang Hajah Zanatul 'Aini binti Haji Zainin / Haji Jinin dinaikkan pangkat sebagai Pengarah Perkhidmatan Farmasi di Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan mulai 8 April 2024.



f Pelita Brunei @pelitabrunei pelitabrunei

Berita Utama



PERTAHANKAN keindahan budaya,
bahasa Melayu di persada dunia

Muka 7



MAJLIS Makan Malam raikan
delegasi ACDM

Muka 8



12 pelajar, 3 guru serta Program
Sekolah Berkembar NBD,
Republik Singapura

Muka 16



RENCANA

HARGAI jasa, pengorbanan
anggota Bomba dan Penyelamat

Muka 21



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yussof berucap pada Majlis Penyampaian Sijil Bagi Peserta-Peserta Program Civil Service Leadership Pipeline (CSLP), Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai Kanan Kerajaan (EDPSGO 30), Program Pembangunan Eksekutif bagi Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO 33 & 34), Program Eksekutif Muda (YEP 7 & 8) pada 4 Mei 2024, bertempat di Dewan Bankuet, Bangunan Jabatan Perdana Menteri.

*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh,
Bismillahir Rahmanir Rahim,
Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin,
Wassalatu Wassalamu 'Ala Sayyidina
Muhammadin Ashrafil Anbiya-l-Wal
Mursalin,
Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'iin*

Penjawat awam perlu letak profesionalisme pada tahap tertinggi

ALHAMDULILLAH, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izin serta limpah rahmat-Nya juga, kita dapat sama-sama hadir di Majlis Penyampaian Sijil bagi lima kohort program-program di bawah Civil Service Leadership Pipeline, ringkasnya CSLP, pada petang Sabtu, 24 Syawal yang mulia ini. Di kesempatan ini, peramba / saya sukacita ingin mengucapkan setinggi tahniah dan syabas kepada semua peserta kerana telah terpilih dan seterusnya berjaya menamatkan program masing-masing. Sebagaimana yang difahamkan, program-program ini juga adalah yang julung kalinya dikelolakan oleh Institut Perkhidmatan Awam (IPA) dengan kolaborasi bersama Lee Kuan Yew School of Public Policy, National University of Singapore.

Alhamdulillah, di sepanjang tempoh program, para peserta telah berpeluang melalui pelbagai pembelajaran dan pengalaman menerusi adunan pengisian modul yang relevan serta terkini. Sesungguhnya kejayaan menamatkan program ini, dapatlah juga diterjemahkan sebagai kesiapsiagaan para peserta dalam menempuh setiap apa pun yang dimuatkan di dalam program berkenaan. Malah, keupayaan dalam merancang dan membuat jangkaan positif pada peringkat awal tersebut, merupakan antara inti pati utama kepada kehebatan seorang penjawat awam, yang memiliki daya kepimpinan tinggi, berwibawa, berintegriti, dan berinovatif sebagai amalan budaya kerjanya.

Ini adalah juga selaras dengan ekspektasi ke atas setiap yang mencebur kerja dalam Perkhidmatan Awam, sebagai terpanggil untuk berkhidmat kepada negara, dengan menanamkan semangat patriotisme yang tinggi, serta penuh rasa bangga menyumbang bakti kepada ibu pertiwi. Justeru, adalah diseru, setiap penjawat awam khasnya pimpinan barisan hadapan, hendaklah sentiasa meletakkan profesionalisme masing-masing pada tahap tertinggi, di samping menumpukan usaha dan tenaga ke arah memenuhi kehendak pihak-pihak yang berkepentingan, yang sentiasa saja berubah.

Apa yang pasti, usaha ke arah mengangkat martabat Perkhidmatan Awam di negara ini sebagai pemangkin kecemerlangan, adalah bergantung sepenuhnya kepada kecekapan dan kebolehan warga kerjanya, dalam menghasilkan nilai-nilai kerja bermutu tinggi, yang dapat menjana perubahan bermakna dan berimpak besar.

Dari itu seorang penjawat awam hendaklah juga sentiasa ingat, bahawa pelanggan dan masyarakat amnya akan terus mengharapkan kualiti penyampaian perkhidmatan, yang memenuhi kehendak mereka. Di samping itu, mereka juga ingin melihat pengurangan kerenah birokrasi serta langkah yang cepat, tepat dan berintegriti, dalam menangani permasalahan yang ditimbulkan mereka.

Perkara ini adalah berkait rapat, dan merupakan dukungan kepada aspirasi transformasi Perkhidmatan Awam negara ini. Ia diharatkkan ke arah pembangunan urus

tadbir yang dinamik, inovatif dan berfokuskan masyarakat, dengan terus meneroka potensi teknologi digital, dalam memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan.

Hakikatnya, transformasi Perkhidmatan Awam itu tidak dapat dielakkan dan pastinya berlaku, lebih-lebih lagi dalam era globalisasi dan kepesatan teknologi masa kini, yang berpaksikan pengetahuan. Justeru, ia memerlukan Perkhidmatan Awam itu untuk bersifat lebih responsif dan adaptif sesuai dengan keperluan dan trend semasa.

Sesungguhnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, sentiasa komited berusaha ke arah meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan, bagi pencapaian keberhasilan tahap terbaik dan cemerlang.

Usaha-usaha yang telah diungkayahkan merangkumi penambahbaikan sistem dan prosedur kerja, penelitian ke atas dasar serta undang-undang dan peraturan, memperkesankan pencapaian teknologi dalam organisasi. Sudah setentunya, kejayaan usaha-usaha ini dalam meningkatkan prestasi dan pencapaian yang diinginkan, memerlukan modal insan yang memiliki potensi, minat, dan komitmen untuk mencapai tahap prestasi yang tinggi, serta memberi tumpuan kepada pencapaian bermutu tinggi dalam bidang tugas yang diamanahkan.

>> Muka 8

SIDANG PENGARANG 8 MEI 2024

Hiasi diri dengan akhlak baik dan mulia

SEMEMANGNYA menjadi kewajipan seorang Muslim memiliki akhlak mulia. Setiap pergaulan kita sehari-hari bersama orang sekeliling hendaklah dengan bersikap lemah lembut dan bertolak ansur, berwaras galat dan berintegriti.

Menghiasi diri dengan akhlak yang baik dan mulia itu adalah penting dalam membina dan membangun kerukunan hidup beragama, bermasyarakat dan bernegara. Dalam hal ini, akhlak yang baik dan mulia itu hendaklah diterapkan di dalam kehidupan kita sehari-hari terutamanya individu yang menjalankan tugas ataupun tanggungjawab dalam sesebuah pentadbiran organisasi tidak kira sama ada seseorang itu bekerja di sektor awam maupun bekerja di sektor swasta.

Sesungguhnya pentadbiran memainkan peranan penting dalam pembangunan dan kemajuan sesebuah negara. Bagi menghasilkan pentadbiran yang berkualiti dan cemerlang maka etika kerja memainkan peranan. Perlu juga diketahui, bahawa etika adalah prinsip moral atau nilai-nilai akhlak yang menjadi pegangan seseorang individu atau sesuatu kumpulan, persatuan, pekerjaan dan lain-lain.

Bagi mencapai kecemerlangan dalam melaksanakan sesebuah pekerjaan kita hendaklah menghayati etika dan garis pandu cara bekerja dalam Islam. Perkara pertama yang perlu ada pada setiap individu ialah bersikap jujur, yang menjurus kepada bersikap lurus, tulus dan ikhlas dalam perkataan dan perbuatan. Sesungguhnya kejujuran dan kebenaran adalah kualiti yang mesti dipupuk dan diamalkan oleh pekerja dalam Perkhidmatan Awam maupun sektor swasta.

Di samping itu, seseorang itu hendaklah bersikap amanah atau bertanggungjawab. Amanah merupakan sesuatu yang amat besar dan sangat berat untuk dilaksanakan dan ia bukan satu perkara yang mudah dan diambil ringan bahkan sebagai seorang pekerja khususnya penjawat awam yang telah diberi mandat atau memegang satu-satu jawatan dalam kerajaan hendaklah berhati-hati dalam memikul sesuatu amanah yang diberikan, janganlah sampai amanah yang dipertanggungjawabkan itu dikhianati.

Selain itu, bersikap bijaksana juga amat dititikberatkan. Hal ini kerana sebagai warga Perkhidmatan Awam kita adalah dituntut bijaksana dalam menjalankan tugas sehari-hari seperti membuat keputusan agar keputusan yang dibuat itu tepat, adil, memberikan kesan yang baik.

Oleh itu, akhlak yang terpuji hendaklah ada dalam diri setiap individu dalam setiap masa dan keadaan agar dalam melaksanakan setiap pekerjaan yang ditanai dapat dijalankan dengan penuh jujur, amanah dan bijaksana. – Ketua Penyuntingan (Rd)

Mei MASIHI	HARI	Syawal HIJRAH	WAKTU SEMBAHYANG							
			IMSAK	SUBUH	SYURUK	DUHA	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8	RABU	28	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
9	KHAMIS	29	4.36	4.46	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
10	JUMAAT (Zulkaedah)	1	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.26	7.39
11	SABTU	2	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.38	6.27	7.40
12	AHAD	3	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
13	ISNIN	4	4.35	4.45	6.07	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40
14	SELASA	5	4.34	4.44	6.06	6.30	12.18	3.39	6.27	7.40

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

RAMALAN CUACA 3 HARI

RABU		KHAMIS		JUMAAT	
Bandar Seri Begawan		33 26 °C		33 26 °C	
Pekan Bangar		33 26 °C		32 26 °C	
Pekan Tutong		33 26 °C		32 26 °C	
Kuala Belait		32 26 °C		32 26 °C	
Wallahualam Bissawab Sumber : Perkhidmatan Kajiciuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi					

www.met.gov.bn

NOTA : AKHBAR PELITA BRUNEI MENGANDUNG AYAT-AYAT AL-QURAN DAN DOA-DOA. SILA LETAK AKHBAR INI DI TEMPAT YANG SEMPURNA DAN TERJAGA

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دربیتکن اوله جایتن فراغن، جایتن فردان منtri دان ڈجیٹک اوله فرینت قلس سندیرین برد، نکارا بروني

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

MENGGALAKKAN KEAMANAN, KEHARMONIAN, PERPADUAN PEMIMPIN AGAMA



Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Hal Ehwal Ugama

>> Muka 1

Persidangan yang bertemakan 'Unity With Diversity' tersebut dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bersama dengan Muslim World League yang antara lain bertujuan untuk menggalakkan keamanan, keharmonian dan perpaduan dalam kepelbagai dalam kalangan pemimpin agama di seluruh dunia.

International Conference of Religious Leaders telah menghimpunkan dan melibatkan kira-kira 50 buah negara termasuk pemimpin-pemimpin dan wakil-wakil daripada pelbagai agama.

Rombongan NBD ke persidangan tersebut diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Awang Othman.

Turut menyertai rombongan NBD ialah Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Awang Haji Abdul Rajid bin Haji Mohd. Salleh; dan Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan, Ketua Bahagian Perhubungan Awam, Antarabangsa dan MABIMS, Awang Haji Mohammad Albi bin Haji Ibrahim.

Doa Selamat bagi rombongan Bi'thah Perubatan Haji, warga Kementerian Kesihatan



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa hadir pada Majlis Doa Selamat bagi Rombongan Bi'thah Perubatan Haji dan Bakal Jemaah Haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan dan seterusnya menyampaikan Surat Lantikan kepada Rombongan Bithah Haji Perubatan dan sumbangan derma kepada bakal jemaah haji (atas dan kiri).

Setelah itu, majlis diikuti dengan Penyerahan Perlindungan Skim Takaful Duyufur Rahman dan Beg Khas bagi Rombongan Pegawai Perubatan Haji Kementerian Kesihatan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Pada tahun ini, seramai 20 orang Pegawai-Pegawai Perubatan Haji yang mengikuti rombongan, terdiri daripada enam pegawai perubatan dan 14 pegawai kejururawatan.

Seperti lazimnya, sebahagian daripada pegawai-pegawai perubatan haji ini akan bertolak lebih awal dan yang lainnya akan mengiringi jemaah di setiap penerbangan.

Majlis diteruskan dengan penyampaian *mock cheque* dari Insurans Islam TAIB dan cenderahati dari Darussalam Holdings, dan diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Ketua Guru Ugama, Unit Perkhidmatan Ugama Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Awang

Ahmad Syuja'ee bin Begawan Mudim Haji Matassim.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Maswadi bin Haji Mohsin; Pemangku Pengarah Urusan Perbadanan TAIB dan Ahli Lembaga Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Dr. Awang Norfarizal bin Othman; Pemangku

Pengarah Urusan, Insurans Islam TAIB Holdings Sdn. Bhd., Awang Haji Mohd. Yusreza bin Haji Mohd. Yassin; dan, Pengarah Urusan, Darussalam Holdings Sdn. Bhd., Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed; ketua-ketua jabatan, berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.



ANTARA yang hadir pada majlis tersebut (atas dan kiri).

PERLUASKAN KEMAHIRAN, KEPAKARAN ANGGOTA BOMBA

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Jabatan Bomba
dan Penyelamat

>> Muka 1

Manakala kepakaran dalam menyelamat pula ujar Yang Berhormat, memerlukan anggota bomba mahir dalam bidang seperti menyelamat, mencari dan menyelamat, membuat penyiastan dan penganalisaan ke atas maklumat yang diperolehi selepas terjadinya sebarang insiden.

Selain itu tambah Yang Berhormat, mengetahui akan perkembangan industri di negara ini juga, seperti perkembangan industri hiliran, sudah setentunya mempunyai risiko yang seharusnya telah diambil kira (*calculated risk*).

Oleh itu tegas Yang Berhormat, Pasukan Bomba dan Penyelamat hendaklah mempersiapkan aset-aset serta para anggotanya dalam pelbagai kemahiran seperti pengendalian peralatan dan mempunyai teknik tertentu di dalam menangani insiden seperti tatacara mengendali bahan kimia, evakuasi,

dan sebagainya.

Yang Berhormat seterusnya menyarankan pihak pengurusan JBP untuk menyediakan dan sentiasa mereview Competency Framework, demi memastikan jabatan mempunyai anggota-anggota yang berkemahiran dan berpengalaman termasuk keperluan untuk menerapkan penggunaan teknologi terkini dalam menjalankan tugas seharian.

"Alhamdulillah, perambah / saya difahamkan bahawa JBP sedang dalam proses mengemas kini program latihan bagi menaik taraf keupayaan anggotanya dengan berpandukan kepada Competency Framework yang disediakan. JBP hendaklah sentiasa memastikan setiap pegawai dan anggota bomba diberikan kemahiran yang diperlukan dan bersesuaian mengikut pengkhususan masing-masing bagi membolehkan mereka menjalankan tugas dengan efisien dan efektif serta jabatan hendaklah memastikan tidak seorang pun yang 'tercincir' dari diberikan peluang meningkatkan kemahiran diri," ujar Yang

Berhormat lagi.

Yang Berhormat turut difahamkan bahawa seramai 52 pegawai bomba dari pelbagai peringkat telah dihantar untuk menghadiri kursus Rota Commander Course (RCC) dan Section Commander Course (SCC) sejak tahun 2001 di Singapore Civil Defence Force (SCDF).

Ini jelas Yang Berhormat, adalah sejajar dengan termeterainya Perjanjian Persefahaman (MOU) di antara JBP, Negara Brunei Darussalam dengan Singapore Civil Defence Force SCDF pada 5 September 2022, yang mana perjanjian ini adalah dihasratkan untuk memperluaskan lagi kemahiran anggota bomba dalam mencari dan menyelamat mahupun dalam pengurusan bencana.

Yang Berhormat juga berharap melalui Memorandum Persefahaman yang berkaitan dengan bencana di antara Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan Brunei (NDMC) dengan Agensi Pengurusan Bencana Negara, Malaysia (NADMA) Malaysia

yang telah ditandatangani pada 5 April 2021 iaitu melalui Special Malaysian Disaster Assistance and Rescue Team (SMART) akan dapat membantu JBP Brunei untuk mendapatkan pengiktirafan di peringkat antarabangsa yang sekali gus membolehkan anggota bomba untuk dikerahkan dalam apa jua misi membantu negara-negara serantau dan antarabangsa khususnya yang dilanda bencana, ini termasuk aset-aset yang dimiliki oleh JBP juga akan dapat diperakui oleh badan antarabangsa.

Dalam hasrat untuk mendedahkan anggota JBP di peringkat antarabangsa tambah Yang Berhormat, adalah difahamkan bahawa beberapa latihan dan pertandingan di peringkat serantau di mana pada tahun 2023, anggota JBP bersama pihak NDMC telah mengikuti latihan bencana peringkat serantau iaitu ASEAN Regional



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri semasa berucap pada majlis tersebut.

Disaster Exercise (ARDEX-2023) di Yogyakarta, Indonesia.

Manakala pertandingan dalam bidang kemahiran pula jelas Yang Berhormat, beberapa anggota JBP telah mengikuti pertandingan Singapore Global Firefighter and Paramedic Challenge (SGFPC2023) yang juga telah disertai oleh beberapa negara ASEAN dan juga Australia.

814 panggilan kebakaran direkodkan pada suku pertama 2024

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Pada bulan Mac 2024 yang lalu, negara tidak terkecuali dari mengalami musim panas dan kering yang telah mengakibatkan kebakaran hutan dan rumput, dan pada suku pertama tahun 2024 sahaja, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) telah merekodkan sebanyak 814 panggilan berkaitan dengan kebakaran hutan dan rumput, melibatkan kawasan seluas 584 hektar berbanding tahun lepas sebanyak 512 panggilan sepanjang tahun.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman menyatakan perkara tersebut semasa Majlis Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-64, Tahun 2024 yang diadakan baru-baru ini di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas.

"Kesungguhan dan pengorbanan para anggota bomba dan penyelamat dalam menghadapi dan menangani insiden kebakaran hutan dan rumput baru-baru ini lebih-lebih lagi ia terjadi dalam bulan Ramadan adalah sangat dihargai. Ketabahan abiskita semua dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab tanpa mengira masa dan waktu demi menjaga keselamatan dan kesejahteraan seluruh rakyat dan penduduk negara ini adalah sangat-sangat dihargai. Terima kasih perambah / saya ucapan di atas pengorbanan yang telah diberikan," ujar Yang Berhormat.

Yang Berhormat juga ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih di atas kerjasama dari pelbagai pihak dalam kalangan agensi-agensi Kerajaan, pihak swasta, persatuan bukan kerajaan dan mahupun orang ramai dalam memastikan keberkesanannya operasi memadam kebakaran hutan dan rumput dapat dilaksanakan dengan lancar dan berkesan.

Menurut Yang Berhormat, agensi-agensi yang dimaksudkan adalah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) bagi operasi aerial monitoring dan firefighting dengan menggunakan

water bombing, Pasukan Polis Diraja Brunei bagi bantuan kawalan lalu lintas, Jabatan Kerja Raya dengan bantuan pengkerahan jentera tangki air dan jentera berat (excavator) bagi tujuan penggalian perparitan, Jabatan Daerah-Daerah dan Bomba Brunei Shell Petroleum (BSP) bagi bantuan tangki air (water tank) dan logistik lain yang disumbangkan.

Pendekatan Whole of Government and Whole of Nation ini tambah Yang Berhormat, telah menunjukkan kesepadan rakyat dan penduduk di negara ini dalam operasi bersama memadam kebakaran dan begitu juga di kalangan persatuan bukan kerajaan dan orang ramai yang telah memberikan sokongan dan dukungan kepada anggota frontliner dalam menghadapi situasi genting, menjadi pembakar semangat kepada pegawai dan anggota bomba dan Penyelamat yang berada di lapangan untuk melaksanakan tugas mereka.

Selain memperkasa keupayaan masyarakat dalam menangani insiden kebakaran, Yang Berhormat juga dimaklumkan mengenai inisiatif JBP yang telah dan secara berterusan akan memberikan taklimat ke kementerian-kementerian, jabatan-jabatan, pihak swasta mengenai dengan keperluan untuk memastikan keselamatan bangunan bagi mematuhi Akta Keselamatan Kebakaran 2022 (Fire Safety Act 2022) dan Building Guidelines and Regulations (BGR) dan seterusnya mendapatkan Fire Certificate.

Di peringkat serantau pula, Yang Berhormat mengambil maklum bahawa JBP telah mengadakan Latihan Table-Top Exercise bersama dengan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dalam menangani insiden kebakaran rentas sempadan pada bulan Januari 2024.

Latihan seperti ini jelas Yang Berhormat, sudah setentunya dapat mengukuhkan kerjasama melalui koordinasi pemberian dan penerimaan bantuan keupayaan sumber tenaga manusia, jentera dan kelengkapan di antara kedua-dua buah negara jika insiden kebakaran hutan rentas sempadan

berlaku.

Dengan kerjasama dari agensi-agensi yang berkepentingan terang Yang Berhormat, penghasilan SOP rentas sempadan perlu direalisasikan bagi kemudahan dan ketangkasannya respons petindak kedua-dua buah negara di samping meneruskan latihan berupa Command Post Exercise (CPX) dan Field Training Exercise (FTX) sebagai langkah dan proses penghasilan serta uji cuba SOP rentas sempadan ini.

Yang Berhormat seterusnya menegaskan bahawa tidak dinafikan, pegawai dan anggota bomba negara ini juga telah menunjukkan keupayaan dan kesiapsiagaan mereka dalam berkhidmat dan berbakti kepada negara. JBP perlu sentiasa mencari peluang untuk memperbaiki perkhidmatan yang diberikan dalam mewujudkan hasrat dan aspirasi penyampaian perkhidmatan kebombaan dan penyelamat yang dinamik dan progresif.

"Sebelum mengakhiri ucapan, perambah / saya ingin sekali lagi mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua pegawai dan anggota JBP sempena sambutan Ulang Tahun Penubuhan yang ke-64. Dengan sikap dedikasi setiap pegawai dan anggota tanpa mengenal masa dan penat lelah dan dengan niat yangikhlas kerana Allah dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat dan negara, perambah / saya yakin jabatan ini akan mampu melaksanakan dan mencapai visi dan misinya. Marilah kita bersama-sama berdoa agar semua pegawai dan anggota bomba dapat menjalankan tugas dengan selamat, dilindungi oleh Allah Subhanahu Wata'ala daripada segala mala petaka dan bencana, serta terus maju dan meningkatkan keupayaan mereka dalam semua bidang untuk menjaga keselamatan dan kesejahteraan awam di Negara Brunei Darussalam. Kepada Anggota Bomba yang telah kembali ke rahmatullah, marilah kita sedekahkan Surah Al-Fatihah dengan doa dipanjatkan semoga roh mereka dicurcup Rahmat dan ditempatkan bersama-sama para syuhada dan solihin. Amiin Ya Rabul 'Alamin," ujar Yang Berhormat lagi.

Terapkan teknologi terkini, bergerak seiring perkembangan semasa

Oleh : Haniza Abdul Latif

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman berkata, mengetahui akan pelbagai cabaran dan dugaan yang pegawai dan anggota bomba harungi, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) perlulah bergerak seiring dengan perkembangan semasa terutama dalam perlaksanaan tugas dengan menerapkan penggunaan teknologi agar perlaksanaan operasi dan pengkerahan aset serta jentera JBP lebih terarah dan berpandukan kepada maklumat yang tepat.

Dalam hubungan ini jelas Yang Berhormat, kementerian sedang meneroka untuk membangun National Emergency Response System (NERS), yang mana sistem ini nanti akan menerapkan penggunaan Artificial Intelligence yang boleh membantu JBP malah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan dalam menangani satu-satu insiden berpandukan kepada crowd sourcing.

Berucap semasa Majlis Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun JBP Ke-64, Tahun 2024 yang diadakan baru-baru ini di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas, Yang Berhormat seterusnya menyatakan, penggunaan teknologi lain seperti dron boleh membantu dalam peroperasian JBP yang mana ia telah terbukti dan memudahkan pengkerahan aset dan anggota seperti operasi pemadam kebakaran hutan dan juga operasi penyelamat semasa berlakunya banjir.

Yang Berhormat menyambut baik usaha JBP dalam memberikan pengetahuan dan persiapan awal kepada orang awam termasuk di peringkat akar umbi melalui Majlis Perundingan Mukim dan Kampung serta institusi-institusi Pendidikan dalam menangani insiden kebakaran melalui program-program seperti Kursus Life Saver 995, lawatan ke balai-balai, Kursus Fire Marshal, dan latihan kebakaran bangunan.

Perangkaian sejak tiga tahun kebelakangan iaitu pada tahun 2021 sehingga 2023 sahaja jelas Yang Berhormat, seramai 58,846 orang telah mengikuti Community Outreach Programme dan seramai 8,199 orang telah diiktiraf sebagai Fire Marshal dan Life Saver 995.

Yang Berhormat berharap agar JBP akan terus menerus menjalankan kerja berpasukan sama ada di peringkat jabatan malah di peringkat komuniti dalam melaksanakan amanah yang diberikan.

Selain itu, Yang Berhormat juga mengambil maklum mengenai inisiatif JBP dalam mempersiapkan penduduk kampung dalam membantu menangani sebarang insiden kebakaran sebagai first responder dengan menyediakan peralatan-peralatan pemadam api yang ditempatkan di bawah jaga-jaga dan kawalan Ketua-ketua Kampung atau Penghulu-penghulu Mukim.

Setakat ini menurut Yang Berhormat, JBP telah membekalkan peralatan seperti hos dan nozzle kepada beberapa buah mukim dan insyaallah, JBP akan melatih dan membekalkan kemudahan yang sama ke semua mukim-mukim yang lainnya secara berperingkat.

Dengan tersedianya peralatan pemadam api ini tambah Yang Berhormat, setentunya akan membolehkan orang-orang kampung yang terlatih untuk mempraktikkan kebolehan mereka dan menjadi first responder dalam menangani sebarang insiden kebakaran sebelum tiba-tiba jentera-jentera bomba.

Yang Berhormat seterusnya menyeru kepada penduduk kampung dan mukim untuk sama-sama menjaga harta benda kerajaan seperti pili-pili bomba yang pada masa ini dalam fasa pembakaran di mana aset-aset ini sangat diperlukan dalam membantu JBP terutama dalam operasi memadam kebakaran hutan, harta benda dan sebagainya.

"Perambah / saya difahamkan antara kampung / mukim yang telah dibekalkan dengan peralatan pemadam api adalah Kampung Menunggol (Mukim Kota Batu), Kampung Merangking (Mukim Bukit Sawat), Rumah Panjang Mendaram (Mukim Labi), Rumah Panjang Kampung Semabat (Mukim Bokok), Kampung Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B,'" ujar Yang Berhormat lagi.

MAJLIS PERBARISAN SEMPENA SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN JBP KE-64

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Jabatan Bomba dan Penyelamat



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Majlis Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-64, Tahun 2024 telah diadakan baru-baru ini bertempat di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas.

Hari tersebut juga adalah bertepatan dengan Hari Bomba Sedunia (World Fire Fighter Day) yang jatuhnya pada 4 Mei setiap tahun dan disambut oleh

sebahagian negara di seluruh dunia.

Hadir selaku tetamu kehormat di majlis tersebut ialah Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Sejurus ketibaan tetamu kehormat, majlis dimulakan dengan Hormat Panglima dari Perbarisan Kawalan Kehormatan seramai 82 orang keanggotaan yang diketuai oleh Penolong Penguasa Bomba

dan Penyelamat, Abdul Majid bin Haji Abd. Wahab.

Kemudian majlis diteruskan dengan pemeriksaan Perbarisan Kawalan Kehormatan Keanggotaan JBP, diikuti dengan ucapan daripada tetamu kehormat.

Bagi memberkati majlis, bacaan Doa Selamat dipimpin oleh Pegawai Balai, Ishraqi bin Haji Sidup.

Sebaik saja Perbarisan Kawalan Kehormatan beredar keluar, majlis diteruskan dengan persembahan pasukan pancaragam JBP, dengan persembahan padang yang dipersiapkan oleh gabungan penduduk kampung yang pernah menyertai kursus kebakaran dan juga anggota bomba.

Persembahan JBP ini mengandungi tiga segmen demonstrasi kebomberan, iaitu sketsa pertama latihan Life Saver 995 yang diajarkan kepada penduduk mukim dan kampung.

Kursus Life Saver 995 mengutarakan komitmen jabatan bagi melengkapi masyarakat mahupun penduduk kampung dengan kemahiran dasar pemadam api melalui latihan penggunaan alat pemadam api dan hos bomba.

Seterusnya bagi sketsa kedua adalah pemadam rumah terbakar yang melibatkan penduduk kampung yang berperanan menjadi

YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Perbarisan sempena Sambutan Hari Ulang Tahun Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-64, Tahun 2024 dan seterusnya pemeriksaan Perbarisan Kawalan Kehormatan Keanggotaan JBP (atas dan kiri).

first responder memadam api sebelum ketibaan pihak bomba.

Manakala sketsa seterusnya adalah insiden kemalangan kenderaan jalan raya (Road Traffic Accident) yang melibatkan mangsa tersebut dan memperkenalkan tindakan pantas JBP menangani insiden mangsa terperangkap di dalam kenderaan. Kepakaran anggota bertindak menyelamat mangsa menggunakan teknik dan perkakas khas mengikut prosedur tetap jabatan.

Antara program-program keselamatan kebakaran (Community Outreach Programme) JBP seperti Kursus Life Saver 995, lawatan ke balai-balai, Kursus Fire Marshal, dan Latihan kebakaran pengosongan bangunan.

Bagi tiga tahun kebelakangan ini sahaja yang direkodkan sehingga 2023, seramai 58,846 orang telah mengikuti Community Outreach Programme dan seramai 8,199 orang telah diiktiraf Fire Marshal dan Life Saver 995.

Seterusnya majlis diteruskan dengan penyampaian sijil Kursus Life Saver 995 yang disampaikan oleh tetamu kehormat kepada lima orang Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang telah pun menjalani kursus berkenaan iaitu Kampung Merangking, Rumah Panjang Mendaram, Rampayoh dan

Teraja, Rumah Panjang Kampung Semabat, Kampung Bolkiah 'A' dan Bolkiah 'B'.

Selain dari penyampaian sijil Kursus Life Saver 995, wakil-wakil juga menerima set-set peralatan bomba yang asas seperti hos, nozzle, Key and Bar.

Adapun tujuan utama peralatan ini dibekalkan adalah bagi membolehkan para penduduk yang terlatih menjadi petindak pertama (First Responder) memadamkan kebakaran sebelum ketibaan pihak JBP di tempat kejadian.

Tetamu kehormat juga berpeluang berinteraksi dengan anggota-anggota yang terlibat dalam persembahan Kemalangan Kenderaan Jalan Raya (Road Traffic Accident) serta melihat secara lebih dekat perkakas khas yang digunakan semasa beroperasi.

Sebelum beredar, tetamu kehormat juga berkesudian untuk menandatangani lembaran kenangan Hari Ulang Tahun JBP Ke-64.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara, Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan jemputan-jemputan khas.



ANTARA persembahan padang yang diadakan di Padang Kawad, Ibu Pejabat JBP, Landasan Lama, Berakas.

JBP adakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Bomba dan Penyelamat

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil, sempena Sambutan Hari Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-64, Tahun 2024 telah diadakan pada Rabu, 1 Mei 2024 bertempat di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong, di sini.

Majlis berkenaan adalah antara majlis keagamaan yang telah disusun oleh JBP setiap tahun khusus buat ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, iaitu Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman serta paduka anakanda baginda, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Aziz.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmad bin Haji Abdul Rahman.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha Setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, Pemangku Pengarah Bomba dan Penyelamat, Pemangku Timbalan Pengarah Bomba dan Penyelamat, ketua-ketua jabatan, Penghulu Mukim, Ketua Kampung, Ahli-ahli Jawatankuasa Keagamaan, pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri serta jabatan-jabatan di bawahnya, serta 150 anggota yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai, anggota dan kakitangan JBP.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Yaa Siin, Tahlil dan Doa Arwah dipimpin oleh Ketua Pejabat Hal Ehwal Alumni, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Mohammad Khairul Nazif bin Haji Awang Damit.



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil sempena Sambutan Hari Bomba, Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) Ke-64 di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.

AWANG MUHAMMAD IQBAAL SYAKIB JOHAN PERTANDINGAN PIDATO KEBANGSAAN

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman



YANG Berhormat Ahli Majlis Mesyuarat Negara hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyempurnakan penyampaian kepada pemenang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Awang Muhammad Iqbaal Syakib bin Haji Suhib muncul johan di Pertandingan Pidato Kebangsaan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 dan Bulan Bahasa 2023 Peringkat Akhir yang berlangsung pagi tadi di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), di sini.

Naib johan disandang oleh Dayang Nurkhairah Afiqah binti Metamit dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), dan tempat ketiga

dimenangi oleh Awang Muhd. Syahir Aqil bin Haji Muhd. Saiful Nurrizam dari Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah (SMALHB).

Awang Muhammad Iqbaal Syakib tidak mewakili mana-mana institusi (persendirian) meraih markah sebanyak 75 peratus pada pertandingan akhir tersebut.

Sementara Dayang Nurkhairah Afiqah dan Awang Muhd. Syahir Aqil masing-masing memperoleh markah 70 peratus dan 62 peratus.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya menyempurnakan

penyampaian hadiah kepada para pemenang ialah, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Pengiran Haji Isa bin Pengiran Haji Aliuddin.

Johan Pertandingan Pidato menerima wang tunai sebanyak BND800, piala, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka dan naib johan menerima wang tunai sebanyak BND600, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP.

Pemenang ketiga menerima wang tunai BND 400, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP.

Bagi sagu hati keempat dan sagu hati kelima masing-masing akan menerima wang tunai BND200, plak, sijil penghargaan dan buku-buku terbitan DBP.

Pidato merupakan satu cabang seni pengucapan awam yang menyampaikan mesej komunikasi satu arah secara lisan untuk mengungkapkan pemikiran atau idea, menakul konsep, menghuraikan, dan merumuskannya secara

berkesan untuk ditujukan kepada khalayak atau audiens.

Pidato mengandungi pelbagai kategori dan penyampaian pidato yang berkesan adalah dalam bentuk nasihat, peringatan, penegasan, mahupun sindiran.

Oleh hal yang demikian, kematangan pemikiran dan melontarkan idea dapat dicungkil melalui aktiviti berpidato.

Antara objektif pertandingan adalah bagi menggemarkan Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-40, Tahun 2024 dan Bulan Bahasa 2023, selain menimbulkan rasa kecintaan dan semangat patriotisme terhadap negara.

Ia juga dapat mengetengahkan peserta tempatan hingga ke peringkat antarabangsa dan luar negara, termasuk persembahan kenegaraan; meluaskan dan memantapkan pengetahuan, penggunaan dan penguasaan bahasa Melayu standard yang betul dan benar sekali gus membina keyakinan diri dan

kemahiran komunikasi untuk mampu berucap di hadapan khalayak ramai.

Selain menggalakkan remaja dan belia untuk berfikir, mengolah idea dan mengemukakan pendapat mereka berhubung sesuatu tema yang ditetapkan oleh pihak pengajur, ia juga dapat memastikan kemahiran seni ini tidak terus lenyap ditelan zaman bagi menjana daya saing secara positif dan meluaskan pengetahuan am dan isu-isu semasa dalam dan luar negara.

Peserta pidato juga diberi kebenaran dan kebebasan untuk menyediakan tajuk pidato yang bersesuaian dengan isu terkini/semasa yang signifikan dengan, sama ada perkembangan bahasa Melayu, pembangunan ekonomi, masa depan belia, pembangunan kapasiti, dan budaya, asalkan tidak menyentuh sensitiviti yang berkaitan dengan bangsa, ras, mempolemikkan agama, politik, ketatanegaraan, kebudayaan atau terhadap keperibadian seseorang.

Pihak urus setia pertandingan telah menerima sebanyak 20 penyertaan pada peringkat saringan dan hanya lima peserta layak mera ke peringkat akhir.

Lahirkan penjawat awam berwibawa, berpandangan jauh



SETIAUSAHA Tetap (Urstadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Program Pembangunan Eksekutif Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-35 yang berlangsung di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA).

Siaran Akhbar dan Foto : Institut Perkhidmatan Awam

RIMBA, Selasa, 7 Mei. - Penilaian bagi pemilihan para peserta program pembangunan di bawah Kumpulan Pemimpin Perkhidmatan Awam (Civil Service Leadership Pipeline - CSLP) antara lainnya, adalah berdasarkan kualiti kerja dan potensi kepimpinan setiap pegawai, di samping dukungan kepada rancangan penggantian organisasi masing-masing.

Beikutlah juga tujuannya pengajuran program ini untuk membangunkan pemimpin sektor awam masa depan kerana ia dilengkapi dengan pelbagai modul menerusi pendekatan secara *in-class and out of class settings*, dalam hasrat untuk melahirkan penjawat awam yang berwibawa, berpandangan jauh serta peka terhadap kehendak pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan kerajaan.

Perkara tersebut antara yang dinyatakan oleh Setiausaha Tetap (Urstadbir Perkhidmatan Awam), Jabatan Perdana Menteri, Awang Ajman bin Haji Meludin selaku tetamu kehormat pada Majlis Perasmian Program Pembangunan Eksekutif Pegawai Pengurusan Pertengahan (EDPMMO) Kali Ke-35 yang berlangsung baru-baru ini di Dewan Ittisal, Institut Perkhidmatan Awam (IPA), di sini.

Awang Ajman seterusnya menaruh harapan tinggi agar setiap peserta akan menumpukan sepenuh perhatian dan komitmen semasa mengikuti program ini, di samping memanfaatkannya untuk mengasah bakat dan kompetensi diri masing-masing

>> Muka 7

Tingkatkan kerjasama, perkongsian pengalaman antara KUPU SB, IPT serantau

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Rombongan seramai 20 orang dari Yayasan Kejayaan Mualaff Indonesia, Muhamad Damanhuri; dan Rektor Universitas Nahdlatul Ulama Kalimantan Barat Indonesia mengadakan lawatan ke Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), hari ini.

Rombongan yang diketuai oleh Ketua Yayasan Kejayaan Mualaff Indonesia, Muhamad Damanhuri; dan Rektor Universitas Nahdlatul Ulama Kalimantan Barat Indonesia, Dr. Rahmad Saputra itu dialu-alukan oleh Ra'es KUPU SB, Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji Abdul Rani.

Dalam sesi perbincangan bersama, antara bidang kerjasama yang dicadangkan meliputi pertukaran pelajar dan kakitangan, pertukaran penerbitan, program kerjasama penyelidikan pengajaran dan kerjasama dalam mana-mana bidang yang memberikan manfaat kepada dua-dua belah pihak.

Perjumpaan tersebut diteruskan

dengan Majlis Penandatanganan Memorandum Persefahaman (MoU) antara KUPU SB dan Universitas Nahdlatul Ulama Kalimantan Barat.

Menandatangani bagi pihak KUPU SB ialah Ra'es KUPU SB, manakala Dr. Rahmad Saputra bagi pihak Universitas Nahdlatul Ulama Kalimantan Barat Indonesia.

Penandatanganan MoU tersebut merupakan salah satu bentuk respon bagi meningkatkan lagi kerjasama dan perkongsian pengalaman terbaik di antara KUPU SB dengan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) serantau.

Penandatanganan MoU tersebut juga selaras dengan objektif KUPU SB, iaitu menjalin kerjasama dengan IPT di dalam dan luar negara berkaitan hal ehwal perguruan, penyelidikan, perkhidmatan dan pengurusan, tenaga akademik dan pelajar.

Turut hadir pada majlis berkenaan ialah para pegawai utama KUPU SB.



MAJLIS Penandatanganan Memorandum Persefahaman di antara Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan dan Universitas Nahdlatul Ulama Kalimantan Barat.

PERTAHANKAN KEINDAHAN BUDAYA, BAHASA MELAYU DI PERSADA DUNIA



Tinggi British ke NBD, Tuan Yang Terutama John Virgo; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Amerika Syarikat ke NBD, Puan Yang Terutama Caryn R. McClelland; Pesuruhjaya Tinggi Australia ke NBD, Tuan Yang Terutama Luke Arnold; Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Indonesia ke NBD, Tuan Yang Terutama Dr. Achmad Ubaedillah; dan bakal Duta Besar Republik Islam Iran, Tuan Yang Terutama Muhammad Taghi Rajab.

Ketika para tetamu menikmati makan malam, tarian kebudayaan dan muzik gulingtangan dipersembahkan di antara dua segmen deklamasi puisi dan seterusnya penyampaian hadiah dan sijil penghargaan kepada pembaca puisi.

Matlamat utama penganjuran adalah demi memupuk rasa cinta terhadap khazanah puisi serta mempertahankan keindahan budaya dan bahasa Melayu di persada dunia.

Acara berkenaan diadakan sempena dengan Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam (NBD) semasa berucap (atas). Sementara gambar kanan, kanan sekali dan bawah sekitar Malam Deklamasi Puisi yang berlangsung di bangunan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Puisi merupakan salah satu cabang kesusastraan Melayu yang tidak lapuk ditelan zaman dan wajar dimartabatkan dalam semua aspek kehidupan. Pengisian sebuah puisi itu meneroka alam kesenian penggunaan bahasa.

Atas kesedaran ini, Suruhanjaya Tinggi Malaysia di Bandar Seri Begawan malam tadi mempelopori usaha untuk menganjurkan Malam Deklamasi Puisi yang berlangsung di bangunan suruhanjaya

berkenaan, di sini. Matlamat utama penganjuran adalah demi memupuk rasa cinta terhadap khazanah puisi serta mempertahankan keindahan budaya dan bahasa Melayu di persada dunia.



Lahirkan penjawat awam berwibawa, berpandangan jauh

Siaran Akhbar : Institut Perkhidmatan Awam

>> Muka 6

Tegasnya, para peserta hendaklah memupuk mentaliti yang berwawasan (*visionary*), berorientasikan pelaksanaan atau *delivery* (*visionary and execution-oriented*) iaitu untuk sentiasa mencari jalan penyelesaian yang akan membantu mencapai aspirasi dan matlamat yang disasarkan secara efektif.

"Kita semua menyedari bahawa dalam arus globalisasi masa kini, negara kita juga tidak terlepas dari mendepani cabaran yang dibawanya, yang semakin sukar diramal serta impaknya yang kadangkala di luar jangkaan. Justeru, Perkhidmatan Awam selaku nadi pentadbiran kerajaan, perlulah sentiasa melipatgandakan usaha, melaksanakan perubahan dan penambahbaikan yang diperlukan, bagi mengimbangi perkembangan dan kehendak semasa dan akan datang.

"Sudah setentunya, perubahan ini menuntut setiap penjawat awam itu untuk melengkapkan diri dengan pelbagai disiplin ilmu pengetahuan dan kemahiran yang relevan, bagi meningkatkan keupayaan yang dapat menyumbang kepada usaha-usaha mencapai keberhasilan keutamaan-keutamaan negara khasnya Wawasan Brunei 2035," ujarnya lagi.

Tambahnya, tidak kurang pentingnya ialah keupayaan penjawat awam dalam menguna pakai teknologi dengan bijak, dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab masing-masing, yang mana ini bukan sahaja membantu dalam keberkesanannya tugasannya yang berpaksikan penggunaan *digital literacy*, malah akan dapat sama-sama menangani sebarang persepsi negatif yang dilontarkan terhadap Perkhidmatan Awam menerusi pelbagai platform multimedia masa kini.

Sesungguhnya, perkara berkaitan persepsi ini menurutnya, adalah sangat mustahak untuk ditangani, ke arah membantu meningkatkan imej baik Perkhidmatan Awam, sekali gus memelihara keyakinan rakyat dan penduduk serta pihak-pihak berkepentingan kerajaan termasuk negara luar.

Jelasnya, demikianlah hendaknya yang perlu berlaku dalam setiap organisasi kerajaan di negara ini, yang meneckankan keutamaan *change management*, di mana warga kerjanya digalakkan untuk berfikir lebih terbuka, dan tidak terikat kepada sesuatu sistem atau prosedur kerja yang konvensional semata-mata.

Apa yang pasti tekannya, penjawat awam adalah berperanan sebagai pemacu perubahan yang membawa kepada penambahbaikan dan pembaharuan bermakna serta berimpak besar khasnya terhadap agenda transformasi negara ini.

Beliau seterusnya mengingatkan akan kepentingannya menerapkan budaya kesegaran atau *sense of urgency* di semua peringkat Perkhidmatan Awam. Sesungguhnya ketangkasan bertindak dan kecepatan dalam membuat keputusan merupakan prinsip yang menunjang kecemerlangan sistem penyampaian perkhidmatan dan menanai tinggi integriti penjawat awam itu sendiri.

Selain itu, program ini juga bertujuan untuk memperkuuh keupayaan pemimpin masa depan agar lebih tangkas dalam merancang, mengambil tindakan serta membuat keputusan yang berkesan bagi memenuhi keperluan orang ramai yang sentiasa berubah terutamanya di zaman yang penuh gangguan dari perubahan pesat global dan digital.

EDPMMO merupakan salah satu program di bawah projek CSLP yang diterajui oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, dan kohort ke-35 program ini adalah kali ketiga yang dikendalikan oleh IPAs setelah menjalankan kohort ke-33 dan 34 pada tahun lepas dengan jayanya.

Turut hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Urstadbir Perkhidmatan Awam), Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Awam, Dr. Awang Norfarizal bin Othman; dan Pengarah IPA, Dr. Dayang Hajah Noor Maya binti Haji Md. Salleh, serta pegawai-pegawai kedua buah jabatan tersebut.

Membangunkan wawasan tamadun bersama



TIMBALAN Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin selaku wakil kepada Yang Berhormat Mufti Kerajaan bagi menghadiri Persidangan Ketua-ketua Agama Sedunia 2024.

Sunway Resort Hotel, Petaling Jaya, Selangor. Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Anwar bin Ibrahim akan dijadualkan untuk menyampaikan Ucaptama Perasmian.

Objektif utama penganjuran persidangan ini adalah untuk membangunkan wawasan tamadun bersama bagi menyatukan nilai kesederhanaan dan perpaduan, menangani ancaman pemikiran ekstremis dan mengubah konflik kepada persefahaman, kerjasama dan perpaduan.

Persidangan ini adalah kesinambungan daripada Persidangan Ulama Asia Tenggara 2022 pada 30 Jun 2022 yang lalu. Dijangkakan seramai 1,500 peserta terdiri daripada para ulama, cendekiawan, pemimpin politik, ahli parlimen, ahli akademik dan tokoh-tokoh pemimpin agama Islam dan bukan Islam dari lebih 50 buah negara akan turut serta dalam persidangan tersebut.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Mufti Kerajaan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin selaku wakil kepada Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia (Dr.) Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned telah bertolak ke Kuala Lumpur, Malaysia bagi menghadiri Persidangan Ketua-ketua Agama Sedunia 2024 anjuran Pejabat Menteri di

Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Muslim World League (MWL). Turut mengiringi beliau ke persidangan tersebut ialah Penolong Ketua Istibdat, Jabatan Mufti Kerajaan, Awang Haji Raimi bin Awang Tengah.

Persidangan yang bertemakan 'Kesatuan Dalam Kepelbagaiaan' ini akan berlangsung selama sehari pada 7 Mei 2024 di

MAJLIS MAKAN MALAM RAIKAN DELEGASI ACDM

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



GADONG, Selasa, 7 Mei . - Para delegasi yang menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN (ASEAN Committee on Disaster Management-ACDM) dan Mesyuarat Lain Berkaitan bagi kali Ke-44 diraikan pada Majlis Makan Malam, berlangsung di Hotel

Antarabangsa Rizqun, di sini. Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Pemangku Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon.

Lebih 70 delegasi daripada organisasi pengurusan bencana di 10 negara anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN dan Pusat Penyelaras ASEAN untuk Bantuan Kemanusiaan dalam Pengurusan Bencana (Pusat AHA) serta Timor Leste sebagai pemerhati menghadiri Mesyuarat ACDM kali Ke-44 ini.

Majlis berkenaan antara

lain bertujuan untuk memupuk persekitaran yang kondusif melalui dialog dan rangkaian berterusan dalam kalangan negara anggota ASEAN dalam pengurusan bencana.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN adalah merupakan sebuah badan sektoral ASEAN yang bertanggungjawab dalam pengurusan bencana, dengan negara anggota ASEAN selaku ahli telah dapat bertukar-tukar pendapat, berkongsi amalan terbaik dan seterusnya membincangkan kemajuan aktiviti-aktiviti dalam usaha mengukuhkan pengurusan bencana di rantau ASEAN.

Tanggungjawab kolektif perhalusi strategi pengurusan bencana

Oleh : Khartini Hamir
Foto : Haji Ariffin Mohd. Noor Noor / Morshidi



PEMANGKU Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri semasa hadir menyempurnakan majlis pembukaan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN (ACDM) dan Mesyuarat Lain Berkaitan (kiri).

GADONG, Selasa, 7 Mei. - Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN

(ASEAN Committee on Disaster Management-ACDM) dan Mesyuarat Lain Berkaitan membuka tirainya hari ini, di Rizqun International Hotel, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat menyempurnakan majlis pembukaan mesyuarat tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Keselamatan dan Kesejahteraan), Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN), Dayang Nor Hamidah binti Haji Hamidon.

Mesyuarat ACDM Kali Ke-44 tahun ini dipengerusikan bersama oleh Pengarah Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, KHEDN, NBD, Kolonel (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin, selaku Pengurus; dan Penasihat Kerjasama ASEAN dan Antarabangsa Jawatankuasa Kebangsaan Pengurusan Bencana Kemboja, Tuan Yang Terutama Encik Virak Kim, selaku Naib Pengurus.

Terdahulu itu, Dayang Nor Hamidah dalam ucapannya

menekankan kenyataan dunia hari ini di mana bencana alam menjadi semakin kerap dan teruk, justeru keperluan untuk pengurusan bencana yang berkesan amat penting.

Semasa bersidang katanya, perlu diingat tanggungjawab kolektif yang perlu dipikul dalam menangani cabaran yang ditimbulkan oleh bencana di rantaunya kita.

"Komuniti ASEAN telah lama mengiktiraf kepentingan perpaduan, dan kerjasama, dalam mengurangkan kesan bencana, dan meningkatkan daya tahan di kalangan negara-negara anggota kita.

"Oleh itu, ACDM berfungsi sebagai platform kritis untuk menyatukan kita semua, ke arah ketabahan yang lebih baik, terutamanya dalam pengurusan bencana," ujarnya.

Pemangku Setiausaha Tetap dalam ucapannya juga menggariskan usaha bersatu dalam pengurangan risiko bencana dan pengurusan bencana bertujuan untuk mengukuhkan rantaunya kita terhadap kesukaran,



PENGARAH Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan, KHEDN, NBD, Kolonel (B) Muhd. Harrith Rashidi bin Haji Muhd. Jamin semasa mempengerusikan Mesyuarat ACDM Kali Ke-44.

sambil memastikan tiada komuniti yang ketinggalan.

"Walaupun menghadapi pelbagai ujian, dan menghadapi malapetaka yang dahsyat, pendekatan dan komitmen Whole-of-ASEAN kita terhadap 'One ASEAN, One Response' memperkuatkan daya tahan kita. Ketika kita menghadapi ancaman yang berkembang seperti perubahan iklim, dan kemerosotan

alam sekitar, dedikasi kita terhadap bantuan dan sokongan bersama amatlah penting," tambahnya lagi.

Sehubungan dengan itu, ACDM berfungsi sebagai platform untuk kita mengesahkan komitmen bersama kita terhadap pengurangan risiko bencana, kesiapsiagaan dan tindak balas.

>> Muka 10

HALUAN

>> Muka 2

Dalam hubungan ini, sukacita peramba / saya ingin mengimbau kembali akan titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Sambutan Hari Perkhidmatan Awam Ke-30 tahun, dalam mana baginda antara lain menekankan kepentingan "Setiap penjawat awam untuk sentiasa peka dengan perubahan semasa; memiliki idea-idea baharu sebagai penambahbaikan proses kerja, peraturan, sistem penyampaian dan penghasilan; dan seterusnya agar setiap pemimpin bijak dalam mempelopori potensi kerja, khasnya potensi teknologi digital, sebagai asas kepada transformasi

perkhidmatan yang berimpak besar".

Begitulah juga sandarannya dan keberhasilan yang hendak digarap menerusi penganjuran program-program di bawah CSLP ini. Program-program berkenaan telah dirangka, berdasarkan kepada peringkat pegawai yang menyertai, dengan tugasan dan cabaran yang memerlukan mereka untuk berfikir secara analitikal dan kritis, serta berupaya untuk menghubungkannya dengan keutamaan-keutamaan negara. Pendedahan sedemikian ini adalah sangat penting, bukan sahaja dalam meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan pengalaman berkaitan pendekatan-pendekatan terbaharu dan terkini, malah turut menggalas potensi para peserta selaku generasi pemimpin masa depan.

Justeru, besarlah harapan kita semua agar setiap peserta program CSLP kali ini dan seterusnya, akan memanfaatkan sepenuhnya

ilmu yang diperolehi di sepanjang menghadiri program masing-masing. Kita juga mengharapkan agar para peserta melihat program ini sebagai titik-tolok permulaan yang mendorong dan meningkatkan lagi semangat dan keyakinan masing-masing, untuk mempelopori penambahbaikan dan pembaharuan yang beterusan, menerusi cetusan idea-idea berasas yang lahirnya dari 'Minda Kelas Pertama'.

Dalam perkara berkaitan, peramba / saya juga ingin menekankan kepentingan aspek pemantauan pasca-latihan dalam organisasi masing-masing. Ini bukan sahaja untuk memastikan perkembangan dan kemajuan para peserta, malah untuk mengenal pasti sejauh mana pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi diterapkan dan digunakan dalam pengendalian tugas mereka.

Justeru, peramba / saya terus sahaja mengharapkan kerjasama dari semua kementerian dan

jabatan-jabatan di bawah masing-masing, untuk dapat sama-sama memastikan aspek pemantauan pasca-latihan ini berlaku secara teratur dan berancang, agar apa jua objektif kursus yang telah disasarkan dapat dicapai secara optimal.

Di sinilah juga betapa pentingnya peranan keahlian setiap kementerian dalam Komiti Penghubung Berkepentingan atau Strategic Liaison Committee yang diterajui IPA untuk dapat diperkuatkhan, antaranya dalam membantu penilaian impak keberkesanan kursus-kursus; merangka program latihan dan pembelajaran serta menjayakan projek-projek berkeutamaan yang dikendalikan oleh IPA bagi warga perkhidmatan awam di negara ini seperti Public Service Capability Development Framework yang sedang dalam proses pelaksanaan.

Sebelum mengakhiri ucapan ini, peramba / saya mengucapkan tahniah kepada Jabatan

Perkhidmatan Awam selaku pentadbir dan pengurus utama CSLP dan juga kepada Institut Perkhidmatan Awam yang telah berjaya melaksanakan keseluruhan program pembangunan eksekutif di bawah CSLP pada kali ini.

Peramba / saya sekali lagi ingin mengucapkan syabas dan setinggi tinggi tahniah kepada semua peserta yang telah berjaya menamatkan program masing-masing. Peramba / tuan / puan akan terus proaktif dalam menyumbang buah fikiran berasas serta bakti kepada kecemerlangan organisasi dan pembangunan negara, dan pada masa yang sama terus memelihara, memperkuuhkan lagi jati diri dan menjaga imej serta nama baik Perkhidmatan Awam.

Sekian, Wabillah Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

BIBD ANJUR SAMBUTAN HARI RAYA TANDA PENGHARGAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Bank Islam Brunei Darussalam

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) menjadi tuan rumah bagi Sambutan Hari Raya BIBD ALAF tahunan, yang diadakan baru-baru ini.

Majlis tersebut bertujuan untuk menyemarakkan lagi Sambutan Hari Raya Aidilfitri bersama para pelajar BIBD ALAF dan keluarga serta pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

Majlis yang berlangsung di Bangunan Persekutuan Guru-guru Melayu Brunei (PGGMB), di ibu negara itu dihadiri oleh para pelajar ALAF dan keluarga, pegawai-pegawai kanan kerajaan dari Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) dan Kementerian Pendidikan, Pengurusan Kanan BIBD, Pasukan Petugas BIBD ALAF yang terdiri daripada ahli-ahli dari Jabatan Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan dan Jabatan Pengajaran Islam, KHEU serta pihak berkepentingan lain yang berkaitan.

Hadir selaku tetamu khas pada majlis tersebut, Ra'es Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Profesor Madya Dr. Abdul Nasir bin Haji

Abdul Rani, selaku Pengurus Badan Penasihat Syariah BIBD.

Turut hadir ialah Ahli Lembaga Pengarah dan Badan Penasihat Syariah BIBD.

Acara tersebut merupakan bukti usaha berterusan BIBD, untuk menyokong pembangunan pendidikan dan pemerkasaan generasi muda Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui program BIBD ALAF.

BIBD ALAF menyediakan bantuan kewangan, bimbingan, dan latihan kepada para pelajar yang kurang bernasib baik di NBD, selain membantu mereka untuk mengejar impian mereka dan membina masa depan yang lebih cerah.

Program tersebut merupakan salah satu daripada banyak usaha membina komuniti bank dan merupakan sebahagian daripada komitmen BIBD untuk menegakkan Maqasid Al-Syariah dan sokongan ke arah mencapai Wawasan Brunei 2035.

BIBD ALAF juga merupakan salah satu cara bank bekerjasama rapat dengan pihak kerajaan untuk menyumbang ke arah Matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan



RA'ES Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), selaku Pengurus Badan Penasihat Syariah BIBD semasa hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan.

Bangsa-Bangsa Bersatu (UN SDG), khususnya Matlamat 1 (Sifar Kemiskinan) dan Matlamat 4 (Pendidikan Berkualiti).

BIBD ALAF adalah program flagship Tanggungjawab Sosial

Korporat (CSR) utama BIBD yang menyediakan bantuan kewangan, sokongan pendidikan dan bimbingan kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk membantu mereka mencapai matlamat akademik mereka.

Program ini telah membantu lebih 300 pelajar sejak penubuhannya pada 2013 dan menjadi mercu tanda harapan bagi banyak keluarga di NBD.

Warisan budaya, perkhidmatan pelancongan NBD diketengahkan di SITF Ke-39



tersembunyi dan menarik pelancong yang mencari pengalaman unik di Asia Tenggara.

SITF dianggap sebagai pameran pelancongan antarabangsa utama Korea, dengan penyertaan dari lebih 70 negara pada SITF sebelumnya iaitu pada tahun 2023.

Acara tersebut tidak hanya menarik para profesional dari industri, tetapi juga menarik sejumlah besar pengunjung awam.

Ini memberikan peluang yang tidak ternilai bagi NBD untuk mempamerkan budaya, tradisi, dan pengalaman pelancongan, yang lebih memperkuuh hubungan pelancongan dua hala antara NBD dan Korea Selatan.

Keterlibatan jabatan dalam acara ini bertujuan untuk meningkatkan pendedahan perkhidmatan pelancongan NBD dan menginspirasi lebih ramai pelancong Korea untuk menemui warisan budaya yang kaya, pengembawaan yang mengujakan, dan pemandangan semula jadi yang menakjubkan yang ditawarkan oleh Brunei melalui aktiviti pemasaran pengalaman yang menarik di pavilion.

Untuk mendalami peluang rangkaian dan membentuk hubungan bermakna dalam industri pelancongan Korea, sesi rangkaian antara agensi pelancongan NBD dan Korea dijadualkan pada 10 Mei 2024.

Sesi ini akan diadakan dengan kerjasama dari Royal Brunei Airlines, yang disediakan oleh Ejen Jualan Am (General Sales Agents - GSA) di Seoul, Korea.

Menyertai perwakilan dari Jabatan Kemajuan Pelancongan adalah Royal Brunei Airlines, Darussalam Services, Anthony Tours & Travels Sdn. Bhd., Freme Travel Services Sdn. Bhd., Sunshine Borneo Tour & Travel, The Empire Brunei dan Radisson Hotel Brunei Darussalam.

Untuk maklumat lanjut mengenai aktiviti yang dijalankan oleh Jabatan Kemajuan Pelancongan, sila layari @info.bruneitourism di Instagram.



SUASANA sekitar Pameran Pelancongan Antarabangsa Seoul Ke-39 (Seoul International Travel Fair - SITF) (atas dan atas sekali).

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, akan menyertai Pameran Pelancongan Antarabangsa Seoul Ke-39 (Seoul International Travel

Fair - SITF), di mana ia akan mendedahkan warisan budaya yang kaya dan pengembawaan yang menarik di Brunei kepada dunia.

Acara tersebut yang dijadualkan berlangsung pada 9 hingga 12 Mei, memberikan peluang besar kepada NBD untuk mempamerkan perma-

Pilih, undi calon Ketua Kampung Merangking, Pandan 'D'

Oleh : Hernie Suliana Haji Othman
Foto : Ihsan Jabatan Daerah Belait



PEMANGKU Pegawai Daerah Belait semasa berucap pada Sidang Media berkenaan.

Ketua Kampung Pandan 'D' akan diadakan pada Ahad, 19 Mei 2024 bertempat di Dewan Serbaguna Sekolah Menengah Sayyidina Ali, Kampung Pandan yang menggunakan kaedah kertas undi bermula jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi.

"Borang undian boleh didapat daripada Penghulu Mukim Kuala Belait atau terus mendaftar semasa majlis tersebut diadakan."

"Pengundian menggunakan aplikasi mudah alih e-Undi PMKK pula akan dibuka selama tiga hari bermula pada Jumaat, 10 Mei 2024 hingga Ahad, 12 Mei 2024, jam 11.30 pagi."

"Penduduk kampung bolehlah mendaftar melalui aplikasi e-Undi PMKK dan pendaftaran ini akan dibuka sehingga 9 Mei 2024," ujarnya.

Beliau juga menjelaskan calon tunggal bagi mengisi jawatan Ketua Kampung Pandan 'D', Mukim Kuala Belait ialah Awang Mohammad Farid bin Kasim.

"Penduduk yang berkelayakan mengundi hendaklah mendaftar dan mengundi pada tarikh-tarikh yang ditetapkan bagi memastikan calon yang terpilih nanti adalah benar-benar calon yang dapat menerusi kampung-kampung berkenaan dengan jayanya," katanya lagi.

JALIN HUBUNGAN KERJASAMA DALAM BIDANG AKADEMIK



Siaran Akbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Undang-Undang Sultan

Haji Hassanal Bolkiah, menerima kunjungan dari Fakultas Hukum, Universitas Ahmad Dahlan, Yogyakarta, Indonesia, untuk

melakukan kajian perbandingan dalam metode pengajaran, struktur kurikulum, mobiliti tenaga akademik dan pelajar, serta pencapaian pelajar.

Kunjungan ini diketuai oleh Ketua

UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), melalui Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah semasa menerima kunjungan dari Fakultas Hukum, Universitas Ahmad Dahlan, Yogyakarta, Indonesia.

Utara, Universitas Islam Riau, Universitas Islam Negeri Sunana Kalijaga, dan Sekolah Tinggi Ilmu Hukum Gunung Jati Tangerang, serta Perkumpulan Pengajar dan Praktisi Hukum Ketenagakerjaan Indonesia (P3HKI) yang berlangsung di kampus UNISSA, Gadong untuk membincangkan beberapa potensi kolaborasi di masa depan.

Acara dimulai dengan ucapan dari Dr. Ahmad Masum, yang antara lain menyampaikan penghargaan di atas kunjungan dari pihak Universitas-Universitas, Indonesia.

Kemudian, acara dilanjut dengan sesi perkongsian dari pihak Universitas-Universitas Indonesia berkaitan dengan program-program yang ditawarkan untuk kerjasama dengan UNISSA.

Dengan adanya kunjungan antara universitas-universitas di Indonesia ke Fakulti Undang-Undang Sultan Haji Hassanal Bolkiah, UNISSA, ini menjadi platform menjalankan hubungan kerjasama yang dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh kedua-dua pihak.

NBD terima EMS Cooperative Customer Care Award 2023

Siaran Akbar dan Foto : Jabatan Perkhidmatan Pos

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Negara Brunei Darussalam (NBD) sekali lagi telah dianugerahkan Express Mail Service (EMS) Cooperative Customer Care Award bagi Tahun 2023. NBD berada di kedudukan ke-17 daripada 175 negara dan ini juga merupakan tahun kedua berturut-turut menerima anugerah tersebut sejak menjadi Ahli Universal Postal Union (UPU) dan EMS pada tahun 1984.

Anugerah tersebut disampaikan semasa Perhimpunan Agung EMS Cooperative oleh Ketua Pengarah UPU, Masahiko Metoki dan Pengerusi Pengerusi EMS Cooperative, Patrick Richon yang diadakan di UPU International Bureau di Berne, Switzerland pada 19 April 2024.

Pemangku Ketua Pos Agung, Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi (MTIC), Dr. Rosdi bin Haji Abdul Aziz telah menerima

NEGARA Brunei Darussalam dianugerahkan Express Mail Service (EMS) Cooperative Customer Care Award bagi Tahun 2023.

anugerah tersebut bagi pihak NBD. Anugerah tersebut dianugerahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Pos sebagai pengiktirafan atas penyampaian perkhidmatan pelanggan EMS yang cemerlang sepanjang tahun 2023.

Pencapaian utama termasuk mengekalkan kadar ketepatan masa memberikan maklum balas lebih dari 98 peratus untuk pertanyaan yang diterima melalui pusat panggilan dan menangani permintaan tiket dalam masa tiga jam bekerja.

Selain itu, Jabatan Perkhidmatan Pos mencapai kadar penyelesaian



melebihi 92 peratus dalam tempoh 10 hari bekerja, memastikan pengendalian pertanyaan yang cepat tanpa ada pertanyaan yang tidak dijawab melebihi 30 hari.

Berdasarkan pencapaian ini, Jabatan Perkhidmatan Pos mengakui perlunya untuk penambahbaikan berterusan dan kekal komited untuk berusaha

mendapatkan hasil yang lebih baik dalam menyampaikan perkhidmatan mel yang pantas, boleh dipercayai dan berkualiti tinggi.

Tanggungjawab kolektif perhalusi strategi pengurusan bencana

>> Muka 8

Tidak dinafikan katanya, ini adalah peluang untuk merenungkan kembali aspirasi yang ditetapkan oleh Pemimpin ASEAN apabila AADMER pertama kali ditandatangani pada tahun 2005, untuk membincangkan kemajuan semasa, yang dicapai oleh rantau kita dalam melaksanakan Program Kerja AADMER 2021-2025, dan untuk membuat output daripada Program Kerja, untuk direalisasikan.

Dalam pada itu, ketika ASEAN terus membangun, dan pembangunan pesat berlaku di negara-negara anggota ujarnya lagi, adalah penting untuk kita terus mengukuhkan hubungan kita dan

bekerjasama dengan berkongsi amalan terbaik dan bertukar-tukar pengetahuan, dalam memperhalus strategi pengurusan bencana kita, yang akan membolehkan kita melindungi komuniti kita dengan lebih baik, meminimumkan kehilangan nyawa dan mata pencarian serta berkembang maju sebagai rantau dalam menghadapi bencana.

Jawatankuasa Pengurusan Bencana ASEAN adalah merupakan sebuah badan sektor ASEAN yang bertanggungjawab dalam pengurusan bencana, di mana Negara Anggota ASEAN selaku ahli telah dapat bertukar-tukar pendapat, berkongsi amalan terbaik dan seterusnya membincangkan kemajuan pelaksanaan Program Kerja

usaha mengukuhkan pengurusan bencana di rantau ASEAN.

Di bawah tema, 'Membina ASEAN Berdaya tahan melalui Pemulihan Bencana Inklusif dan Mampan', Mesyuarat ACDM Kali Ke-44 turut menyuarakan tentang matlamat dan aspirasi yang digariskan dalam Wawasan Komuniti ASEAN 2025 dan Wawasan ASEAN 2025 dalam Pengurusan Bencana.

Ia juga menggariskan komitmen secara kolektif ke arah memupuk komuniti ASEAN yang berdaya tahan dan mampu mengharungi bencana dan pelbagai kesukaran dengan cekap.

Semasa mesyuarat dijalankan, beberapa perkara juga telah dibincangkan termasuk kemajuan pelaksanaan Program Kerja

Perjanjian ASEAN dalam Pengurusan Bencana dan Tindak Balas Kecemasan (AADMER) 2012-2025, khususnya mengenai pengukuhan kapasiti Negara Anggota ASEAN dalam pengurusan bencana dan tindak balas kecemasan dengan menggalakkan kerjasama dan penyelarasannya.

Selain daripada itu, mesyuarat tersebut turut membincangkan mengenai penilaian dan pemantauan risiko, pencegahan dan mitigasi, kesiapsiagaan dan tindak balas, pemulihan berdaya tahan dan kepimpinan global.

Disamping itu, Ahli Jawatankuasa juga turut mengiktiraf akan pentingnya penglibatan global dan serantau dalam berkongsi

amalan terbaik dan pengalaman yang dipelajari, bertukar-tukar pandangan dan seterusnya bekerjasama dalam aktiviti pengurusan bencana di luar rantau ini.

Ia adalah bagi memastikan bahawa ASEAN akan terus berada di landasan yang betul ke arah mencapai visi sebagai peneraju global dalam pengurusan bencana.

Lebih 70 orang delegasi dari organisasi pengurusan bencana di sepuluh (10) Negara Anggota ASEAN, Sekretariat ASEAN dan Pusat Penyelaras ASEAN untuk Bantuan Kemanusiaan dalam Pengurusan Bencana (Pusat AHA) serta Timor Leste sebagai pemerhati telah menghadiri mesyuarat tersebut.

LAWATAN BERKONGSI MAKLUMAT, IDEA, PENGALAMAN

KETUA Kluster 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Sarifah binti Haji Matsawali hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor kepada delegasi NBD bagi Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura.

BERAKAS, Isnin, 6 Mei. - Seramai 12 pelajar, seorang Timbalan Pengetua bersama dua guru pengiring dari Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa berlepas pagi tadi ke Republik Singapura bagi Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura. Program tersebut merupakan lawatan ke Sekolah Menengah Boon Lay, Republik Singapura selama lima hari bermula 6 hingga 10 Mei 2024.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat baylor ialah Ketua Kluster 2, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, Dayang Hajah Sarifah binti Haji Matsawali.

Delegasi NBD terdiri daripada pelajar Tahun 9 dan 10, iaitu Dayang Nur Syasya Bazilah binti Haji Razman, Dayang Nur Amira Syafiqah Alisha binti Abdul Bari, Dayang Nurfarzana binti Zulkarnain, Dayang Nurul Farzana Batrisyia binti Sulaiman, Dayang Dhyalaila Insyirah binti Abdul Rahman, Awang Muhammad Danial Haikal bin Muhammad Abdul Hafiz, Awang Nor Aiman bin Mohd. Isham, Awang Mohammad Akmal



Zuhair bin Merkawi, Dayangku Nur Alia Natasya binti Pengiran Osman, Awang Muhammad Nuraiman Hazwan bin Abdullah, Awang Razeeq Darwisy bin Mohammad Amin dan Awangku Abdul Raziq Naufal bin Pengiran Matassan. Turut serta selaku ketua delegasi ialah Timbalan Pengetua Pentadbiran, Dayang Siti Salmiah binti Awang Abas dan dua guru pengiring iaitu Awang Ali Zainul Amsyar bin Haji Aliamat dan Dayang Nadiah Maimunah binti Khanafiah.

Antara tujuan utama

lawatan tersebut adalah untuk mengukuhkan perhubungan peringkat sekolah menengah di antara NBD dan Republik Singapura serta menyediakan landasan untuk berkongsi maklumat, idea serta pengalaman dan amalan terbaik dalam pembelajaran dan pengajaran.

Dalam masa yang sama, lawatan itu diharap dapat membuka minda para peserta mengenai keadaan pendidikan masa ini dan akan datang. Selain itu, lawatan tersebut juga diharap akan dapat memberi peluang kepada pelajar untuk

menambah pengetahuan mereka dan meluaskan pengalaman mereka dengan keadaan pembelajaran sekolah menengah di Singapura.

Para pelajar juga akan dapat bertukar-tukar pengalaman dan berkongsi pengetahuan bersama pelajar-pelajar Singapura. Guru-guru pendamping dapat menimba ilmu pengetahuan tentang teknik pengajaran, penilaian pelajar, pengendalian kelas serta program intervensi yang efektif

Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid

untuk disesuaikan dan diterapkan apabila kembali ke sekolah nanti.

Manakala, Timbalan Pengetua Pentadbiran sekolah berkenaan juga akan dapat bertukar-tukar pandangan dengan Pentadbir Sekolah Menengah Boon Lay, Singapura mengenai amalan terbaik dalam Kursus Latihan Guru, pengendalian Persatuan Ibu Bapa dan Guru serta cara-cara untuk meningkatkan dan memperbaiki lagi penyebaran etos dan budaya sekolah secara berkesan.

Memperkembangkan kompetensi kemahiran pelajar

BERAKAS, Isnin, 6 Mei. - Timbalan Pengetua Pentadbiran Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam, Serasa, Dayang Siti Salmiah binti Awang Abas berharap melalui Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura akan dapat memperkembangkan lagi kompetensi kemahiran pelajar-pelajar selaras dengan Wawasan Brunei 2035 untuk melahirkan penduduk yang berpendidikan tinggi dan berkemahiran.

Menurutnya, program juga diharatkant dapat memberi peluang kepada para pelajar pengalaman peribadi dalam pembelajaran

hubungan antara kedua-dua buah negara serta memahami dan mempelajari budaya sekali gus bertukar-tukar pengalaman dan berkongsi pengetahuan bersama pelajar-pelajar Republik Singapura.

Terdahulu beliau menjelaskan, program tersebut merupakan Memorandum Persefahaman (MoU) antara dua buah sekolah dalam kerjasama dalam bidang pendidikan.

Beliau menambah, tujuan program diadakan untuk merapatkan lagi hubungan antara dua buah negara terutama pelajar-pelajar yang ikut serta di mana mereka akan mempelajari bagaimana budaya,

pembelajaran serta sistem pendidikan yang dijalankan di Republik Singapura.

"Sasaran sekolah ingin memberi ilmu pengetahuan kepada para pelajar dan memang ia merupakan satu pendedahan kepada mereka apatah lagi mereka berada di luar sekolah bahkan berada di luar negara, justeru diharap pengalaman pembelajaran tersebut dapat memberi impak kepada mereka agar dapat diaplikasikan semasa pulang nanti sekali gus mengongsikan dan memberi semangat kepada pelajar-pelajar lain untuk sama-sama berusaha lebih gigih, berdedikasi dan sebagainya," ujarnya.

Melalui program tersebut tambahnya, para pelajar juga diharap akan dapat mengasah kemahiran mereka dari segi komunikasi, keyakinan diri, berucap di khalayak ramai dan sebagainya.

Sementara itu, Dayangku Nur Alia Natasya binti Pengiran Osman yang merupakan salah seorang pelajar yang menyertai program tersebut ketika ditemui berkata, program tersebut akan memberi peluang kepada mereka untuk

Individu yang didapat dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.

DENDA SEBANYAK
\$10,000
DAN PENJARA SELAMA
2 TAHUN

KESALAHAN-KESALAHAN DI BAWAH

AKTA SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM (PENGAL 83)

BAB 5 DARI BAHAGIAN III KESALAHAN-KESALAHAN

Individu yang didapat dengan sengaja memberikan makluman yang tidak benar / menyertakan sijil-sijil yang palsu atau mengelirukan / menyembunyikan makluman atau sijil-sijil bagi tujuan mengelirukan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam dan Ahli-Ahli Suruhanjaya atau mana-mana orang yang dilantik untuk menjalankan tugas-tugas Suruhanjaya dalam memproses permohonan jawatan berkenaan.



PERATURAN 13 DAN PERATURAN 14 DARI PERATURAN-PERATURAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN (LANTIKAN-LANTIKAN DAN KENAIKAN-KENAICKAN PANGKAT)

Pada bila-bila masa selepas individu diberi tawaran jawatan atau selepas dilantik telah didapati pengakuan sumpah yang mereka buat adalah tidak benar.

DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN BOLEH DITAMATKAN PERKHIDMATAN DENGAN SERTA-MERTA.



mengetahui budaya dan sistem pembelajaran yang dijalankan di Republik Singapura.

Seperti yang ketahui tambahnya, Republik Singapura merupakan antara negara yang memiliki kemajuan dalam bidang

pendidikan, beliau berhasrat ingin mengetahui tip-tip pembelajaran daripada mereka dalam meraih keputusan yang cemerlang serta amalan terbaik yang dapat diterapkan apabila kembali ke sekolah nanti.



DAYANGKU Nur Alia Natasya binti Pengiran Osman dan Dayang Siti Salmiah binti Awang Abas semasa ditemui bual.

KERJASAMA SEMUA PIHKAK PERLU UNTUK KERJA PENGGANTIAN METER ELEKTRIK



Types of Plessey, INHE and Star Prepaid Meter.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Tenaga

BANDAR SERI BEGAWAN, merupakan isu global yang akan menjelaskan semua meter prabayar di seluruh dunia yang menggunakan sistem token berpandukan kepada Standard Transfer Specification Association (STS) dan dijangka akan berlaku pada Ahad, 24 November 2024.

Berikut dengan perkara ini, pelanggan-pelanggan di seluruh dunia termasuklah di Negara Brunei Darussalam yang menggunakan meter berjenama

STAR, INHE dan PLESSEY tidak akan dapat menerima token elektrik dan akan mengakibatkan bekalan elektrik terputus.

Bagi sistem meter pintar USMS yang mula diperkenalkan pada Oktober 2022, pelanggan yang menggunakan sistem USMS tersebut tidak akan terjejas oleh proses TID Rollover memandangkan operasi sistem berkenaan adalah tidak berdasarkan penggunaan token.

Sehubungan dengan itu, bagi memastikan bekalan elektrik

yang berterusan kepada semua pelanggan, pihak JPE dan DSTN akan menguakuasakan secara mandatori Program Kebangsaan bagi Penggantian Sistem Meter Pintar USMS.

Untuk makluman orang ramai dalam proses penggantian tersebut, sebarang baki token atau kredit elektrik bagi meter prabayar yang sedia ada akan dipindahkan ke akaun sistem meter pintar USMS dalam masa tiga hari waktu bekerja.

Pihak JPE dan DSTN

JENIS-jenis meter prabayar yang akan terjejas oleh proses TID Rollover tidak akan dapat menerima token elektrik dan akan mengakibatkan bekalan elektrik terputus.

ingin menegaskan bahawa penggantian meter prabayar kepada sistem meter pintar USMS adalah percuma dan pelanggan USMS tidak akan mengalami sebarang perubahan pada tarif elektrik yang sedia ada.

Sehubungan dengan itu, JPE dan DSTN menyeru orang ramai untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pihak JPE dan DSTN bagi kerja-kerja penggantian yang dijadualkan di bawah program kebangsaan tersebut.

Orang ramai juga akan dimaklumkan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja penggantian meter elektrik dilaksanakan.

MINDA PEMBACA

Mewujudkan persekitaran inklusif untuk Autisme

KECELARUAN Spektrum Autisme (Autism Spectrum Disorder - ASD) adalah gangguan neurologi yang mempengaruhi perkembangan otak seseorang. Gangguan ini menyebabkan kesulitan dalam pemikiran, pemprosesan maklumat, komunikasi, deria, tingkah laku, dan interaksi sosial.

Individu dengan autisme memerlukan sokongan untuk melaksanakan aktiviti harian. ASD adalah keadaan seumur hidup dan tidak dapat sembuh sepenuhnya, tetapi intervensi yang sesuai dapat membantu mengurangkan kesan negatifnya.

Hari Kesedaran Autisme Sedunia disambut pada 2 April setiap tahun sebagai platform kesedaran dan pendedahan kepada masyarakat dunia.

ia menggariskan pentingnya memahami dan menyokong individu autisme serta memastikan mereka diterima secara inklusif dalam masyarakat.

Di Negara Brunei Darussalam, pelbagai langkah untuk mewujudkan persekitaran inklusif bagi individu autisme dilaksanakan bagi memastikan mereka mendapat sokongan dan peluang yang mereka perlukan untuk berkembang.

Sekolah-sekolah khas dan program-program pembelajaran yang disesuaikan diperkenalkan untuk menyokong keperluan individu autisme dalam proses pembelajaran. Selain itu, Pusat Perkembangan Kanak-kanak juga memberikan perhatian khusus kepada perkembangan kanak-kanak autisme.

Mereka tidak hanya menyediakan perkhidmatan pemantauan kesihatan secara berkala tetapi juga menyokong perkembangan awal kanak-kanak autisme dengan pelbagai perkhidmatan, termasuk khidmat nasihat perubatan, jurupulih pertuturan, pemulihan tertentu, pemulihan cara kerja, penjagaan pergi-janji, program perkembangan awal, audiologi, guru bagi kanak-kanak kurang pendengaran, dan perkhidmatan psikologi.

Selain itu, komuniti masyarakat perlu turut serta dalam mewujudkan persekitaran inklusif. Program-program kesedaran awam, kempen penyelidikan, dan acara-acara komuniti boleh diadakan untuk meningkatkan kesedaran tentang autisme dan memupuk sikap penyayang

dan inklusif terhadap individu autisme dan keluarga mereka.

Kesimpulannya, mewujudkan persekitaran inklusif untuk autisme memerlukan usaha bersama daripada pelbagai pihak, termasuk sekolah, institusi pendidikan, majikan, dan pertubuhan bukan kerajaan.

Dengan mengambil langkah-langkah ini, kita dapat membina masyarakat yang lebih penyayang dan inklusif kerana setiap individu, termasuk mereka yang mempunyai autisme, dapat berkembang dan mencapai potensi penuh mereka.

Nama : Ampuan Mohamad Khairul Anuar bin Ampuan Mohamad
No K/P : 00-314XXX

Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :

1. 'Membina Masyarakat Celik Digital'. Tarikh Tutup : 8 Mei 2024
2. 'Bersatu Mengurangkan Sampah Plastik'. Tarikh Tutup : 15 Mei 2024
3. 'Kepentingan Air Dalam Kehidupan'. Tarikh Tutup : 22 Mei 2024

Terma dan Syarat :

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan 15 hingga 40 tahun, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditarik jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 200 hingga 300 patah perkataan.

3. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon hendaklah disertakan dan dihantarkan kepada :
SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA
Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam.
atau melalui
E-mel : pelita.brunei@information.gov.bn

Menangi
BND75
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

PENDAFTARAN BCGCE 'O', 'AS', 'A', IGCSE OKTOBER / NOVEMBER 2024 DIBUKAKAN

Siaran Akbar : Kementerian Pendidikan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Peperiksaan sukacita mengumumkan bahawa pendaftaran Peperiksaan Brunei-Cambridge GCE Peringkat 'O', 'AS', 'A' dan IGCSE bagi bulan Oktober / November 2024 telah dibuka mulai hari ini, Isnin, 6 Mei 2024 sehingga Khamis, 20 Jun 2024.

Borang-borang pendaftaran dan keterangan lanjut yang berkaitan dengan pendaftaran bolehlah diperoleh dari Kaunter Jabatan Peperiksaan bertempat di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan (Blok 'C', Aras Bawah, Bangunan Lama Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas) semasa waktu pejabat dibuka atau dengan memuat turun borang dan maklumat mengenai mata pelajaran yang ditawarkan dalam Surat Pemberitahuan Jabatan Peperiksaan, Kementerian Pendidikan Bilangan : 2 / 2024 melalui laman sesawang Kementerian Pendidikan iaitu www.moe.gov.bn.

Jabatan Peperiksaan hanya akan menerima borang pendaftaran yang telah lengkap pada setiap Isnin hingga Khamis pada sebelah pagi bermula jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi manakala sebelah petang bermula jam 1.30 petang hingga 3.00 petang dan Sabtu, dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.

Borang-borang pendaftaran peperiksaan yang telah lengkap berserta dengan dokumen yang dikehendaki hendaklah dikembalikan ke Kaunter Jabatan Peperiksaan di Pusat Perkhidmatan Setempat Kementerian Pendidikan tidak lewat pada Khamis, 20 Jun 2024.

Warga Kampung Sungai Kedayan 'B' meriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri

Berita dan Foto : Ihsan Awang Zikri



MAJLIS Ramah Mesra Hari Raya Bersama Anak-Anak Yatim Kampung Sungai Kedayan 'B' bagi Tahun 1445 Hijrah bersamaan 2024 Masihi, berlangsung di Kompleks Impiana Jaya, Kampung Kiulap.

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Majlis Ramah Mesra Hari Raya Bersama Anak-anak Yatim Kampung Sungai Kedayan 'B' bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi, berlangsung baru-baru ini di Kompleks Impiana Jaya, Kampung Kiulap, di sini.

Acara yang telah diadakan buat kali ke-10 itu, diadakan bagi meraikan 28 orang anak-anak yatim purih Kampung Sungai Kedayan 'B' bersamaan Hari Raya Aidilfitri pada tahun ini.

Menurut Awang Haji Abdullah bin Haji Metasim selaku Pengurus Majlis, matlamat majlis ini ialah

untuk mengeratkan lagi silaturahim dalam kalangan warga Kampung Sungai Kedayan 'B' yang pada masa ini sudah menetap di kampung-kampung lain di seluruh negara.

Hampir 300 warga Kampung Sungai Kedayan 'B' menghadiri majlis tersebut.

Acara kemuncak majlis ialah acara penyampaian derma kepada anak-anak yatim purih Kampung Sungai Kedayan 'B'.

Turut diadakan ialah cabutan bertuah (*lucky draw*) dan persembahan nyanyian karaoke.

Kenali Bahasa Brunei

Kapiar-piaran bermaksud tidak tentu apa yang akan dibuat atau dilakukan kerana kehilangan seseorang yang diharapkan.

Contoh pemakaian kata : mun urang tua-tua udah indada, kamu juu **kapiar-piaran** bila bakawin-kawinan.

Pilat bermaksud bekas luka dan sebagainya pada kulit badan.

Contoh pemakaian kata : kaliatan latak **pilat** di batis bapa atau, bagas bibai tasibai pamarang masa manabas daulu.

Mamirkik bermaksud

1 menekan sambil menggesel lada padi, semut, dan lain-lain.

Contoh pemakaian kata : babu **mamirkik** lada padi arah lauk barabus supaya nyaman.

2 *kiasan* melakukan gerakan seolah-olah menekan kerana terlalu geram dan kesal terhadap seseorang, biasanya kanak-kanak.

Contoh pemakaian kata : mambari kan **mamirkik** usul anak atau, bunal bah usulnya.

Pisti bermaksud sangat suka mengetahui segala-galanya.

Contoh pemakaian kata : bisai anak Dang Lauyah atau, munnya mandangar carita urang tua-tua, **pisti** tu ia mandangkan.

SUMBER : DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, KKBS



Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Sayur Pisang Masak Lemak Kampung Manggis Satu

BAHAN-BAHANNYA :

- 10 biji buah pisang mentah (pisang emas atau pisang kapas)
- 4 biji bawang merah (dihiris)
- 8 ulas bawang putih (dihiris)
- 4 biji lada Thailand merah (dihiris)
- 4 biji lada Thailand hijau (dihiris)
- 5 ekor udang hidup
- Sedikit garam
- Sedikit serbuk perasa
- Gula (secukupnya)

Kunyit hidup (dikisar) atau serbuk kunyit

1 cawan santan

Minyak

CARA MEMASAK :

Kupas kulit pisang muda terlebih dahulu kemudian direndam dalam air kira-kira lima minit (untuk menghilangkan getahnya). Lepas itu bolehlah dihiris.

Panaskan minyak dan tumis bawang merah, bawang putih hingga pecah minyak. Masukkan kunyit hidup yang telah dikisar tadi (atau serbuk kunyit). Setelah itu masukkan pisang muda, santan, udang hidup, garam, serbuk perasa, gula, lada Thailand hijau dan merah. Tunggu sehingga mendidih kemudian siap untuk dihidang.



1. Bilangan dan Tajuk Sebut harga:
RTB / K / 23 / 24-25
- Penerbitan Rancangan Eksklusif RTB Go Animasi Kanak-Kanak (2D) (5 Ep X 15 Minit), Bahagian Rancangan TV, RTB

2. Bilangan dan Tajuk Sebut harga:
RTB / K / 24 / 24-25
- Penggambaran dan Penyuntingan Rancangan Majalah Eksklusif RTB Go 'Sportive' (13 Ep X 15 Minit), Bahagian Rancangan TV, RTB

Yuran Sebut harga / (termasuk e-dokumen):
BND5.00 (Tidak dikembalikan)

Salinan Kertas / (Hardcopy):
BND5.00
(Jika perlu dan tidak dikembalikan)

Tarikh Tutup:
Rabu, 29 Mei 2024
Jam 2.00 petang



1. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Di Pusat Memproses Mel, Lapangan Terbang Lama Berakas Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Rujukan Tawaran :
POS / T / 01 / JPP / 2024-2025

2. Perkhidmatan Towing Bagi Kenderaan Kerajaan Jabatan Perkhidmatan Pos Bagi Tempoh Satu (1) Tahun Rujukan Tawaran:
POS / T / 05 / JPP / 2024-2025

Tarikh Tutup :
Selasa, 21 Mei 2024,
Jam 2.00 Petang



1. Tajuk Tawaran
To Repair And Replacement Parts For Fire Truck At BG 4985 (F.1) AME / 2023-2024 / SH-74 / R (Kelas I dan II)

2. Tajuk Tawaran
To Supply And Replace Of Incoming Cable c/w MSB at Block A, Residential Flat, Simpang 51, Jalan Kustin, Brunei International Airport AME / 2024-2025 / SH-21 (Kelas I, II dan Ke atas)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:
8 Mei 2024, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil



Dokumen Sebut Harga:
28 Mei 2024, Selasa
Tidak lewat jam 2.00 Petang

Tarikh Tutup Sebut Harga:
29 Mei 2024, Rabu

Kepada:
Pengerusi Jawatankuasa
Sebut Harga
d/a Aras Bawah, Seksyen
Kewangan, Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan
dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Dengan
Kementerian
Pembangunan Di Dalam

Kelas :
IV & V

Kategori :
B01 Kod Baharu

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
Selasa,
21 Mei 2024

Tarikh Tutup Tawaran :
Selasa, 4 Jun 2024,



Tidak lewat jam 2.00 Petang.

Yuran Tawaran:
BND100.00 (Tidak Dikembalikan)

Yuran E-Dokumen:
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

Bilangan Tawaran:
JKR / DTS / 19 / CQS / 2024-T / IV

Nama Projek:
Pembinaan Kantin Baharu
Sekolah Sukan,
Negara Brunei Darussalam



Dibukakan Kepada
Pemborong-Pemborong
Yang Berdaftar Di Negara Brunei
Darussalam

Kelas :
II, III, IV atau V

Kategori :
KPB12

Tarikh Buka Tawaran pada :
6 Mei 2024 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
28 Mei 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
4 Jun 2024 (Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga

Tawaran Kecil di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan
Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T001 / 2024 (R)
Kerja-Kerja Penambahan dan Penyelenggaraan Lanskap Sepanjang Jalan Labu, Daerah Temburong.

No. Projek :
JASTRE / BL / T001 / 2024 (R)

Jumlah Yuran Tawaran :
BND30.00 (Tidak dikembalikan)



Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam

Kelas :
-

Kategori :
S06

Tarikh Buka Tawaran pada :
6 Mei 2024 (Isnin)

**Tarikh Akhir Mengambil
Dokumen Tawaran :**
28 Mei 2024 (Selasa)

Tarikh Tutup Pada :
4 Jun, 2024 (Selasa)
Sebelum jam 2.00 Petang

(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil di Tingkat
Bawah Bangunan Kementerian
Pembangunan, Lapangan

Terbang Lama Berakas, Bandar
Seri Begawan BB3510, Negara
Brunei Darussalam)

JASTRE / BKP / T005 / 2024
Membekal, Menghantar, Memasang, Memeriksa, Komisen Dan Mengendalikan Alat Pemantauan Kualiti Udara Ambien Memantau Partikulat PM 10 Dan PM 2.5 Bagi Jabatan Alam Sekitar, Taman Dan Rekreasi

No. Projek :
JASTRE / BKP / T005 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND100.00 (Tidak dikembalikan)



(Ditutup di Pejabat Lembaga
Tawaran Kecil di Tingkat
Kementerian Pembangunan,
Lapangan Terbang Lama Berakas,
Bandar Seri Begawan BB3510,
Negara Brunei Darussalam)

JASTRE / BL / T006 / 2024
Kerja-Kerja Penambahan dan Pemeliharaan Lanskap Di Sepanjang Lebuh raya Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Fasa 3).

No. Projek :
JASTRE / BL / T006 / 2024

Jumlah Yuran Tawaran :
BND 10.00
(Tidak dikembalikan)



Tawaran

Bilangan Tawaran:
KK / 80 / 2024 / JPK (TC)

Keterangan:
Provision Of Maintenance Services For Plumbing Sanitary And Drainage For Building Under Health Centre Tutong, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health or Ministry of Development

Class : III and above
Category : M03, KA04 or KPB04

Yuran Tawaran:
BN30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 81 / 2024 / SSBH

Keterangan:
Replacement Of Air Cooled Chiller No.7 And Chilled Water Pump At Suri Seri Begawan Hospital, Kuala Belait

Eligibility for Tenderers:
Registered with Ministry of Health or Ministry of Development

Class: III and above
Category: M01

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 82 / 2024 / SSBH

Keterangan:
Supply, Delivery, Installation, Testing And Commissioning One (1) Unit Of Argon Plasma Coagulation Unit For Ward 12, Suri Seri Begawan (SSB) Hospital, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 83 / 2024 / DSS (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Pure Quality Control ATCC Cultures For Microbiology Section, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 84 / 2024 / DSS

Keterangan:
To Supply, Deliver, Install, Test And Commission One (1) Unit Of Genetic Analyser For Human Identification (HID) For Forensic Biology Section, Department Of Scientific Services, Ministry Of Health

Yuran Tawaran:
BND50.00

Bilangan Tawaran:
KK / 85 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Sars-Cov-2

Sequencing Laboratory Reagents And Consumables For COVID-19 Surveillance And COVID -19 Sequencing EQA Programme For Microbial Genomics Services, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 86 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Osmometer Reagents And Consumables With Equipment Rental For National Clinical Chemistry Reference Laboratory Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND100.00

Bilangan Tawaran:
KK / 87 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver Haemophilus Influenzae Antisera For National Clinical Microbiology Reference Laboratory, Department Of Laboratory Services, Ministry Of Health For A Period Of Five (5) Years Usage

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 88 / 2024 / LAB

Keterangan:
To Supply And Deliver Laboratory Test Kits And Consumables With Equipment Rental For National Haematology Reference Laboratory, RIPAS Hospital, PMMPMHAMB Hospital Laboratory, SSB Hospital Laboratory And PIHM Hospital Laboratory, Department Of Laboratory Services

Yuran Tawaran:
BND30.00

Bilangan Tawaran:
KK / 89 / 2024 / PPN (TC)

Keterangan:
Supply And Delivery Of Medical Consumable Items For Department Of Dental Services, Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND10.00

Bilangan Tawaran:
KK / 90 / 2024 / HSE (TC)

Keterangan:
The Provision Of Manpower For Health Safety And Environment Unit Under The Ministry Of Health For A Period Of Three (3) Years

Yuran Tawaran:
BND500.00

Bilangan Tawaran:
KK / 91 / 2024 / LAB (TC)

Keterangan:
To Supply And Deliver External Quality Programs For Transfusion, Serology And Haematology Tests For Blood Donation Centre, Department Of Laboratory



Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan Kementerian Sumber-Sumber Utama Dan Pelancongan

Tawaran Tapak Bagi Memajukan Tapak Di Kawasan Kemajuan Pertanian Tungku Daerah Brunei Dan Muara

Bilangan :
07 / 2024

Tawaran bagi mempelawa pengusaha - pengusaha untuk menghadapkan permohonan bagi menjalankan Perusahaan Pertanian Khususnya Pengeluaran Buah Sekoi seperti berikut :-

Lokasi :

Lot B12, KKP Tungku A, Daerah Brunei dan Muara Lot H1-1, KKP Tungku B, Daerah Brunei dan Muara Lot H1-2, KKP Tungku B, Daerah Brunei dan Muara Lot H2-3, KKP Tungku B, Daerah Brunei dan Muara

Keluasan Kawasan:
Lot B12 : 2.3 hektar



Lot H1-1 : 5 hektar
Lot H1-2 : 5 hektar
Lot H2-3 : 5 hektar

Syarat:

Pengeluaran Buah Sekoi menggunakan teknologi tinggi/moden (Greenhouse, Fertigasi, Pengairan Titis)

Tempoh iklan:
4 minggu

Tarikh mula pembelian borang:
 Isnin, 6 Mei 2024

Tarikh akhir pembelian borang:
Sabtu, 1 Jun 2024

Tarikh lawatan dan taklimat:
Sabtu, 8 Jun 2024

Harga penjualan borang:
BND1.00 /
borang

Tarikh akhir menghantar:
 Isnin, 1 Julai 2024
sebelum jam 3.00 Petang

PERATURAN PENGIKLANAN (SEKTOR AWAM / KERAJAAN) DI PELITA BRUNEI



Bilangan dan Tajuk Tawaran :
Construction Of New Covered Parking At Asset Maintenance And Engineering Building AME / 2024-2025 / SH-20 (Kelas I dan II)

Tarikh iklan / mengambil dokumen tawaran:
 Isnin, 6 Mei 2024

Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran:
 Selasa, 21 Mei 2024

Tarikh tutup tawaran:
 Rabu, 22 Mei 2024
Tidak lewat jam 2.00 Petang



IKLAN dalam salinan liut (*soft copy*) hendaklah dihantar dan diterima oleh Meja Iklan bagi **Iklan Tawaran TIDAK kurang dari empat (4) minggu dan Iklan Sebut Harga TIDAK kurang dari dua (2) minggu** sebelum tarikh iklan dicadangkan untuk diterbitkan.

Rang iklan hendaklah jelas dan mudah dibaca menggunakan **Microsoft Word** dengan **Font ARIAL saiz 12** dan Rang Iklan tersebut **MESTILAH** dihantar menggunakan **BAHASA MELAYU SAHAJA**.

- Sila sertakan dokumen-dokumen yang berkaitan dan nyatakan apa-apa keperluan iklan berkenaan, seperti tarikh terbitan untuk diiklankan dan sebagainya.

Iklan berkenaan bolehlah dihantar melalui :

E-MEL :

iklan.pb@information.gov.bn

BAGI SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNG :

+673 2383400
sambungan Meja Iklan

SETIAP IKLAN YANG DIHANTAR PERLU MENYERTAKAN NAMA DAN NOMBOR TELEFON YANG MUDAH UNTUK DIHUBUNG MENGENAI IKLAN TERSEBUT.

RUANG IKLAN ADALAH TERHAD.

IKLAN-IKLAN HENDAKLAH MEMATUHI TERMA DAN SYARAT.

12 PELAJAR, 3 GURU SERTAI PROGRAM SEKOLAH BERKEMBAR NBD, REPUBLIK SINGAPURA



Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani
Foto : Azmah Haji Ahad

BANDAR SERI BEGAWAN,

Selasa, 7 Mei. - Seramai 12 pelajar dan tiga guru pengiring dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) berlepas pagi tadi ke Republik Singapura bagi mengikuti Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura.

Program tersebut merupakan lawatan ke Edgefield Secondary School (EFSS), Republik Singapura selama enam hari bermula hari ini hingga 12 Mei 2024.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi mengucapkan selamat belayar, Pemangku Pegawai Tugas-tugas Khas Kanan (Profesional), Jabatan

Sekolah-sekolah, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Metussin bin Haji Jais.

Delegasi NBD terdiri daripada pelajar Tahun 10, iaitu Nathaniah Ng Phek Sang; Aadi Jawad bin Dr. Aammon / Mohammad Imran; Muhd. Danial Mu'izzuddin bin Muhammad Aariz Rizwan; Wan Mohammad Danish Idhar bin Wan Mohamad Hardiny; Abdul Waseem As'ari bin Haji Abdul Khalid As'ari; Zakwan Khairuddin bin Haji Zainal Khairulzzaddin; Aeryoona binti Arfan; Nur Aleya

Faraiyah binti Mas Sunardy Yuzainie; Dayang Nurul Ameerah Syahriah binti Tali; Amni Majidah binti Haji Mohammad Basher; Batrisya Athilah binti Haji Misli; dan Adilina Ayesha binti Mohamad Serizal Sham.

Para pelajar berkenaan diiringi oleh tiga Pegawai Pendidikan, iaitu Pengiran Hajah Fatriah binti Pengiran Haji Bujang; Haji Mohd. Moza Norhazahrin Shah bin Haji Moksin; dan Lawrence Lee Chee



DAYANG Nurul Ameerah Syahriah binti Tali.

Hung dari sekolah yang sama.

Sementara itu, Dayang Nurul Ameerah Syahriah yang merupakan salah seorang pelajar yang menyertai program tersebut ketika ditemui menyatakan hasratnya ingin mengetahui cara pembelajaran yang dijalankan di Republik Singapura dan insyaaAllah akan mengaplikasikan teknik pembelajaran yang dipelajari apabila kembali ke sekolah nanti.

Beliau juga berharap agar dapat berkongsi pengalaman dan dapatkan yang diperoleh kepada guru-guru dan rakan-rakan sekolah dalam sama-sama lagi memajukan diri sendiri.

Program Sekolah Berkembar NBD dan Republik Singapura pada tahun ini adalah pusingan kedua diadakan, dan pusingan pertama telah berlangsung pada 2018 hingga 2019.

SERAMAI 12 pelajar dan tiga guru pengiring dari Sekolah Menengah Sultan Muhammad Jamalul Alam (SM SMJA) berlepas ke Republik Singapura bagi mengikuti Program Sekolah Berkembar Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura.

Semasa lawatan tersebut, para pelajar berpeluang untuk melihat skop pendidikan yang lebih luas seiring dengan keperluan masa ini dan akan datang.

Lawatan tersebut diharap akan dapat meneruskan hubungan erat dan kerjasama yang sedia ada di antara NBD dan Republik Singapura melalui perkongsian buah fikiran dan pengalaman yang akan memberikan banyak manfaat kepada kedua-dua sekolah tersebut.

Selain itu, kedua-dua sekolah juga dapat sama-sama belajar dan menerapkan amalan terbaik masing-masing.

Program tersebut juga akan bertindak sebagai pemudah cara kepada pembelajaran yang seimbang dan lengkap dengan adanya perkongsian pengetahuan di dalam dan juga di luar bilik darjah, dengan pelajar SM SMJA akan mengikuti kelas dan juga aktiviti kokurikulum bersama rakan-rakan pelajar dari EFSS.

Di samping itu, pelajar SM SMJA juga akan dibawa melawat ke tempat-tempat menarik dan bersejarah di Republik Singapura bagi mempelajari sejarah dan kebudayaan di sana.

Perusahaan penyimpanan barang diarah hentikan operasi

SEBUAH perusahaan penyimpanan barang yang terletak di Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti dan merobohkan kemajuan tambahannya kerana telah melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan perusahaan dan membina tambahan bangunan tanpa Kebenaran Perancangan.



BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Sebuah perusahaan penyimpanan barang yang terletak di Kampung Sungai Buloh, Mukim Mentiri telah diarahkan untuk menghentikan aktiviti dan merobohkan kemajuan tambahannya kerana telah melanggar Bab 23(2), Akta Perancangan Bandar dan Desa, Penggal 248 iaitu menjalankan kegiatan perusahaan dan membina tambahan bangunan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegiatan penyimpanan barang ini dijalankan di kawasan perumahan dan tidak sesuai untuk tujuan penyimpanan barang.

Tambahan bangunan yang digunakan sebagai penyimpanan barang ini melibatkan garis bangunan adalah tidak teratur dan

jugalah melibatkan tanah kerajaan.

Selepas pemantauan dan pemeriksaan rutin dilakukan, didapati pemilik tanah berkenaan telah mematuhi arahan pihak berkuasa dengan menghentikan aktiviti, merobohkan tambahan bangunan dan membersihkan kawasan tersebut.

Pemajuhan dan perubahan penggunaan tanpa Kebenaran

Perancangan boleh menyebabkan baha dan menjelaskan keselamatan orang ramai.

Orang ramai adalah diperingatkan untuk mematuhi undang-undang perancangan khususnya Bab 23 yang memperuntukkan tiada seorang pun boleh melaksanakan pemajuhan atas tanah, memecah atau menyatukan mana-mana tanah atau melaksanakan apa-

JP Food Court Fasa 2 mula beroperasi

Siaran Akhbar : Jerudong Park Country Club Sdn. Bhd.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 7 Mei. - Jerudong Park Country Club (JPCC) Sdn. Bhd. petang ini melancarkan Jerudong Park (JP) Food Court Fasa 2 yang baharu siap diubah suai.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan pelancaran tersebut, Pengurus Besar JPCC Sdn. Bhd., Dayang Hajah Siti Norzalena binti Pehin Orang Kaya Lela Raja Dato Seri Laila Jasa Haji Awang Abdul Rahman.

Turut hadir sama ialah Pengurus Property and Leasing, Awang Haji Asmalem bin Haji Bujang; pengurus-pengurus JPCC, para pengusaha restoran Fasa 2 JP; dan kakitangan JPCC Sdn. Bhd.

Majlis pelancaran dirasmikan dengan acara momotong reben yang disempurnakan oleh Pengurus Am dan Pengurus Property and Leasing JPCC.

JP Food Court Fasa 2 ini menawarkan pelbagai jenis makanan dan minuman daripada vendor-vendor yang sesuai untuk dikunjungi oleh seisi keluarga di samping sama-sama menyokong para pengusaha tempatan yang berniaga di food court tersebut.

Food court ini mempunyai sebanyak 23 unit yang akan dipenuhi dengan restoran-restoran yang menyediakan pelbagai pilihan makanan dan minuman daripada makanan Asia ke makanan Barat.

Orang ramai bolehlah berkunjung ke JP Food Court Fasa 2 mulai hari ini dari pagi hingga tengah malam.

Untuk keterangan lebih lanjut mengenai JP Food Court Fasa 2 ini, orang ramai boleh hubungi +673 7131985 / +673 7379044 atau layari laman sosial Instagram @jpfoodcourt.

Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Perancangan Bandar dan Desa

apa kerja di dalam suatu kawasan pemuliharaan tanpa Kebenaran Perancangan.

Kegagalan dalam mematuhi boleh dikenakan denda sepertimana di dalam Bab 23 (6) iaitu denda tidak melebihi BND200,000; dan dalam hal kesalahan yang berterusan dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi

BND10,000 bagi setiap hari selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Bagi sebarang aduan dan khidmat nasihat perancangan orang ramai bolehlah menghubungi talian Hotline Jabatan Perancangan Bandar dan Desa menerusi +673 8200 222 atau melalui e-mel di tcp.aduan@tcp.gov.bn.

TINGKATKAN KEMAHIRAN, PENGETAHUAN SUMBER PERPUSTAKAAN

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Azmah Haji Ahad

TUNGKU LINK, Isnin, 6 Mei. - Perpustakaan Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Pelancaran Bengkel bertajuk 'Organizing Library Resources Using RDA Cataloguing Standard' yang bermula hari ini sehingga 9 Mei 2024.

Bengkel tersebut bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan sumber profesional perpustakaan dalam katalog menggunakan standard terkini iaitu Resource Description and Access (RDA). RDA ialah standard katalog yang komprehensif yang

direka untuk memudahkan akses dan penerangan kepada pelbagai sumber maklumat dalam pelbagai format.

Bengkel tersebut telah dirasmikan oleh Pemangku Ketua Pustakawan, Perpustakaan UBD, Haji Awang Muhammad Yussuf bin Pehin Orang Kaya Indera Dewa Dato Paduka Haji Awang Musa.

Bengkel yang diadakan di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD itu dihadiri oleh 27 pegawai dan kakitangan dari pendidikan tinggi, kerajaan dan perpustakaan swasta di seluruh Negara Brunei Darussalam, yang mewakili institusi seperti UBD, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA),

Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Dewan Bahasa dan Pustaka, Defence Minister's Office and Directorate of Strategic Planning; Bolkiah Garrison, Sekolah Rendah Pehin Dato Jamil, Kluster 1, Jabatan Mufti Kerajaan, Pusat Da'wah Islamiah, Jabatan Muzium-Muzium, Pusat Sejarah Brunei, Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah dan Perkhidmatan Pendidikan CfBT (B) Sdn. Bhd.

Sesi tersebut difasilitasi oleh Jurulatih Senior di Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA, Selangor, Malaysia, Profesor Madya Hamidah binti A. Rahman di mana bengkel

ini akan memberi tumpuan kepada aplikasi praktikal, membolehkan peserta untuk mencipta rekod RDA dan rekod kod dalam MARC 21.

Bengkel ini juga bertujuan untuk melengkapkan peserta dengan pengetahuan dan pemahaman RDA, meningkatkan keyakinan dalam menerapkan prinsip-prinsip RDA dan memudahkan peralihan dari AACR2R kepada standard RDA untuk peningkatan berterusan.

Terdahulu, Pegawai Perpustakaan di UBD selaku Setiausaha Bengkel, Dayang Hajah Normah binti Mohamad Zain dalam ucapan alu-aluananya menekankan bahawa pentingnya

bengkel tersebut dalam memajukan pengetahuan dan kemahiran dalam organisasi maklumat dan akses.

Beliau menegaskan peranan penting perpustakaan, arkib, pendidikan, penyelidikan dan kepakaran maklumat dalam memastikan penyediaan dan pengambilan maklumat yang berkesan.

"Dalam rangka RDA, ia berfungsi sebagai panduan dalam usaha untuk menyediakan panduan standard untuk menerangkan dan mengatur bahan sumber secara konsisten dan berkesan," katanya.

Bengkel ini menjanji perbincangan yang menarik, aktiviti praktikal dan pengalaman pembelajaran kolaboratif, bertujuan untuk menggalakkan pemahaman yang lebih mendalam tentang RDA dan implikasinya untuk bidang ini.

Melalui kerjasama dan perkongsian pengetahuan, peserta dijangka memacu perubahan positif dan menyumbang kepada persekitaran maklumat yang lebih mudah diakses dan inklusif.



PERPUSTAKAAN Universiti Brunei Darussalam (UBD) mengadakan Majlis Pelancaran Bengkel bertajuk 'Organizing Library Resources Using RDA Cataloguing Standard' yang diadakan di Ruang Bicara Minda, Perpustakaan UBD.

Pelajar baharu ITQSHHB mulakan pengajian Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat'



KETUA Bahagian Kerajaan dan Projek Khas, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Mohammad Yusri bin Haji Walsalfelah semasa menyampaikan Kitab Qiraat kepada siswa baharu (atas). Sementara gambar atas kanan, bacaan Ikrar daripada siswa-siswi baharu ITQSHHB sesi 1445 Hijrah / 2024 Masihi.

Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Seramai 38 siswa-siswi telah diterima masuk ke Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bagi Sesi Pengajian 2024-2027 Masihi, iaitu terdiri daripada 17 siswa dan 21 siswi.

Pengambilan berkenaan adalah bagi mengikuti pengajian di peringkat Diploma Tertinggi.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penerimaan Siswa-Siswi Baharu ITQSHHB bagi Sesi Pengajian 2024-2027 Masihi berlangsung di Dewan Kuliah, ITQSHHB, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Ketua Bahagian Kerajaan dan Projek Khas, Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD), Awang Mohammad Yusri bin Haji Walsalfelah.

Turut hadir, siswa-siswi yang dilaikan, para ibu bapa dan penjaga, guru-guru, para pegawai dari ITQSHHB serta dari Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran dengan Qiraat ('Warsh' An Nafi') Surah Fathir ayat 29 hingga 34 oleh Awang Abdul Rasyid bin Haji Mohammad Norazmi, daripada siswa Tahun 1, Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat' di ITQSHHB, manakala, inti sari ayat dibacakan oleh Awang Ahmad Najib bin Haji Ibrahim.

Kemudian, majlis diteruskan dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Mohammad Ali Sabri bin Haji Yusof, yang antara lain berkata, program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat akan berjalan selama enam semester dalam tempoh tiga tahun dan merupakan pengajian ilmu-ilmu Al-Quran, sejak program ini dinaik taraf menjadi Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat pada tahun 2021.

Tambahnya, ilmu-ilmu Al-Quran dan Qira'at sememangnya telah pun wujud di zaman Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, para sahabat-sahabat, Tabi'in dan seterusnya sehingga hari ini, dan Alhamdulillah para penuntut di Negara Brunei Darussalam yang berkeinginan untuk menuntut ilmu ini berpeluang untuk mempelajarinya di institut ini.

Selain dari hafazan 30 juz Al-Quran jelanya, kursus ini merangkumi ilmu-ilmu Al-Quran dan Qiraat seperti Resam Al-Quran, Tarikh Qurra, Tarikh Mushaf dan sebagainya.

Menurutnya lagi, program ini juga berjalan seiring dengan modul pengajian kenegaraan seperti Melayu Islam Beraja (MIB) dan juga dirasah Islamiyyah serta bahasa Inggeris. Begitu juga dengan kurikulum di mana siswa-siswi boleh mempelajari kemahiran hidup seperti kelas menjahit, memasak, membaki pendingin hawa dan sebagainya.

Sementara itu, Awang Mohammad Yusri dalam ucapannya pula antara lain menyatakan, dengan bacaan dan hafalan yang konsisten maka akan terbitlah rasa 'Mahabbah' atau cinta abiskita terhadap Al-Quran.

Menurutnya, untuk mencapai rasa cinta ini, taddabur atau memerhati isi Al-Quran adalah satu perkara yang asasi.

"Bertaddaburlah serta hayatilah setiap kalimah dan makna ayat Al-Quran kerana dengan mendalaminya kitab suci ini, ia boleh membuka hikmah dan jalan kepada ilmu-ilmu yang lain, baik untuk kebaikan dunia dan juga kebaikan akhirat, di samping dapat menambahkan ketakwaan kita semua kepada Allah Subhanahu Wata'ala," ujarnya lagi.

Awang Mohammad Yusri seterusnya menyeru agar lebih ramai lagi anak-anak muda

akan dapat berkecimpung dan mengambil peluang untuk menceburkan diri untuk mengikuti program Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat' ini agar lebih banyak lagi pengeluaran orang-orang yang celik dan pakar Al-Quran bukan saja dari segi hafazan, tetapi dari segi jati diri yang mempunyai calak pembaca Al-Quran yang beriman dan beramal soleh, agar negara kita akan terus menjadi negara 'Baladun Tayyibatun Wa Rabbin Ghafur' iaitu negara MIB yang baik dan sentiasa mendapat keampuhan Tuhan yang Maha Pengampun.

Majlis kemudian diteruskan dengan tayangan video dan

seterusnya, penyampaian Kitab Qiraat kepada siswa-siswi baharu oleh tetamu kehormat majlis.

Seterusnya, majlis disusuli

dengan bacaan Ikrar daripada siswa-siswi baharu ITQSHHB

sesi 1445 Hijrah / 2024 Masihi

yang diketuai oleh siswa Tahun 1,

Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat', ITQSHHB, Awang Muhammad

Zulhelmi Hashim bin Jainudin.

Majlis diakhiri dengan Doa Kesukuran dan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pensyarah Diploma Tertinggi 'Aliyah Qiraat', Awang Haji Muhammad Farid bin Haji Mohammad Yassin.

Majlis merupakan acara kemuncak kepada program Minggu Ta'aruf (orientasi) yang telah diadakan selama tujuh hari, bermula pada Isnin, 29 April 2024 hingga Sabtu, 4 Mei 2024.

Antara aktiviti yang diaturkan sepanjang sesi orientasi tersebut termasuk Sesi Taklimat dari Bahagian Pengajian Tinggi Diploma 'Aliyah Qiraat, serta Sesi Motivasi dan kongsi sama

berperangkat 'Melahirkan Huffaz Yang Cemerlang' disampaikan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Pengiran Faris Ramadhan bin Pengiran Haji Sallehuddin.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI ERATKAN TALI SILATURAHIM



Oleh : Haniza Abdul Latif
Foto : Ihsan Koperasi Persatuan TIBA

SALAMBIGAR, Isnin, 6 Mei. - Koperasi Persatuan TIBA (KOTIBA) dengan Tanggungan Berhad bersama Ahli-ahli Lembaga Koperasi KOTIBA, Pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA dan Ahli Pemegang Saham KOTIBA baru-baru ini mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Salambigar.

Majlis dimulakan dengan ucapan daripada Timbalan Pengurus KOTIBA sesi 2023-2024, Awang Haji Muhsin bin Haji Ahmad selaku Pengurus Ahli Lembaga Koperasi KOTIBA bagi sesi 2023-2024, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso selaku tetamu kehormat majlis. Setelah itu, majlis disusuli dengan sesi bergambar ramai dan diserikan lagi dengan acara cabutan nama-nama bertuah, Kuiz Rambang-Rambang Kuasi dan persembahan nyanyian terdiri daripada Urus Setia Majlis, Ahli Jemaah Lembaga

antara ahli-ahli KOTIBA khususnya dan bersama penduduk kampung yang bersaudara dan berjiran secara amnya.

Majlis juga diteruskan dengan penyampaian Anugerah Kelamaan Bekerja (Long Service Awards) bagi Pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA kepada seramai 13 pekerja yang berkhidmat di antara 7 tahun ke 23 tahun yang disampaikan oleh Pengurus Ahli Lembaga Koperasi KOTIBA bagi sesi 2023-2024, Awang Haji Matassan bin Haji Bungso selaku tetamu kehormat majlis.

Tambahnya objektif sambutan adalah untuk mengeratkan lagi tali persaudaraan dan silaturahim di

Koperasi dan Ahli-ahli Pemegang Saham KOTIBA.

Majlis juga disemarakkan lagi dengan persembahan Akustik / Instrumen daripada Kumpulan AKO dan gambus daripada Kumpulan

Haji Darip & Rakan-Rakan yang terdiri daripada Ahli-ahli pemegang saham KOTIBA dan penduduk kampung di bawah tadbiran KOTIBA.

Turut hadir pada majlis tersebut



Tingkatkan kesedaran mengenai isu buli

Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Promosi Kesihatan

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Pusat Promosi Kesihatan melalui Kumpulan Strategi Kesihatan mental baru-baru ini telah bekerjasama dengan dua buah sekolah iaitu Sekolah Ugama



PEGAWAI Psikologis, Pusat Promosi Kesihatan, Dayang Zahratul 'Azimah binti Haslin semasa menyampaikan taklimat.

Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Hajah Saleha dan Sekolah Ugama Beribi dalam mengungkayahkan Sesi Aktiviti Brunei Bebas Buli untuk pelajar.

Ini adalah salah satu aktiviti tahunan Program Brunei Bebas Buli, yang merupakan Program Jangkauan Sekolah untuk Program Mempromosikan Kesihatan Mental Kanak-kanak dan Remaja di bawah Pusat Promosi Kesihatan (School-based programs).

Sesi aktiviti di Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Hajah Saleha telah disertai oleh seramai 542 pelajar Tahun 9 dan 10. Manakala di Sekolah Ugama Beribi dihadiri oleh seramai 200 pelajar sesi pagi di sekolah ugama tersebut.

Antara lain objektif Program Brunei Bebas Buli ini ialah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai terutama dalam kalangan kanak-kanak dan remaja akan isu buli, yang mana jika tidak diberikan intervensi awal boleh mendatangkan kesan-kesan negatif kepada ketumbesaran mereka termasuklah impak kepada kualiti kesihatan mental mereka dalam jangka masa yang panjang.

Di samping itu, program ini juga diharaskan sebagai satu platform pemberian langkah-langkah yang dapat dan perlu dilaksanakan oleh para remaja, guru-guru, teman-teman, ibu bapa serta masyarakat pada amnya dalam sama-sama membendung isu buli dan seterusnya menjadikan negara kita, Negara Brunei Darussalam bebas daripada gejala buli.

Sesi taklimat mengenai Brunei Bebas Buli dan cara-cara menghentikan isu buli, disampaikan oleh Pegawai Psikologis, Pusat Promosi Kesihatan, Dayang Zahratul 'Azimah binti Haslin. Beberapa aktiviti menarik yang lain juga turut diungkayahkan bersama dengan beberapa orang pegawai dan kakitangan Pusat Promosi Kesihatan.

PUSAT Promosi Kesihatan melalui Kumpulan Strategi Kesihatan mental bekerjasama dengan dua buah sekolah iaitu Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Hajah Saleha dan Sekolah Ugama Beribi dalam mengungkayahkan Sesi Aktiviti Brunei Bebas Buli untuk pelajar (atas kanan dan kanan).



KOPERASI Persatuan TIBA (KOTIBA) dengan Tanggungan Berhad bersama Ahli-ahli Lembaga Koperasi KOTIBA, Pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA dan Ahli Pemegang Saham KOTIBA semasa mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri yang berlangsung di Salambigar. Majlis juga diteruskan dengan penyampaian Anugerah Kelamaan Bekerja (Long Service Awards) bagi Pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA (kiri dan bawah).

ialah Pemangku Ketua Kampung Tanah Jambu, Awang Haji Sarabani bin Haji Bakir; Ketua Kampung Manggis, Awang Omar bin Haji Mohd Alli; Ketua Kampung Sungai Tilong, Pengiran Haji Ruzaini bin Pengiran Haji Shahbuddin; dan Ketua Kampung Salambigar / Sungai Hanching, Awang Haji Abdul Rahman bin Safar.

Juga hadir, Ahli-ahli Lembaga KOTIBA, Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri KOTIBA, Pekerja-pekerja Stesen Minyak KOTIBA, Ahli-ahli Pemegang Saham KOTIBA dan ahli keluarga masing-masing.

Sembahyang Di Luar Masjidil Haram Mengikut Imam Di Dalam Masjidil Haram

selainnya, melainkan Masjidil Haram. Dan (satu) sembahyang di Masjidil Haram itu lebih afodal daripada 100,000 sembahyang di (masjid) selainnya.

(Hadits riwayat Ibn Majah)

Memandangkan besarnya kelebihan dan ganjaran pahala melakukan sembahyang di Masjidil Haram, maka orang-orang yang datang ke Makkah sama ada untuk mengerjakan haji atau umrah tidak mahu melepaskan peluang untuk sembahyang berjemaah di dalam Masjidil Haram sehingga berlaku kesesakan dan kesukaran untuk memasuki Masjidil Haram. Akibatnya sebahagian jemaah haji atau umrah terpaksa mengerjakan sembahyang di luar Masjidil Haram. Ada juga jemaah yang sengaja mengerjakan sembahyang di bilik hotelnya atau di surau hotel tempat penginapannya dengan mengikut imam di Masjidil Haram. Adakah sah sembahyang maknum dalam keadaan seperti itu? Irsyad Hukum ini akan menjelaskan mengenainya.

Sembahyang Berjemaah

Antara syarat-syarat sah sembahyang berjemaah atau *iqtida'* (mengikut imam), hendaklah imam dan maknum dikira berhimpun pada satu tempat.

Asy-Syaikh al-Khatib asy-Syarbini *Rahimahullah* menyebut dalam kitabnya *Mughni al-Muhtaj*:

*Ertinya: Dan syarat yang ketiga daripada syarat-syarat *iqtida'* ialah hendaklah kedua-duanya (imam dan maknum) itu dikira berhimpun bagi menzahirkan syi'ar, saling menyayangi dan bekerjasama.*

Imam ar-Ramli *Rahimahullah* pula menyebut dalam kitabnya *Nihayah al-Muhtaj*:

*Ertinya: Antara syarat-syarat mengikut imam juga ialah: Hendaklah dihimpunkan kedua-duanya (imam dan maknum) oleh suatu tempat, kerana antara tujuan-tujuan *iqtida'* ialah perhimpunan suatu kumpulan pada suatu tempat.*

Isu pensyaratannya "perhimpunan suatu kumpulan pada suatu tempat" dalam perkara *iqtida'* tidak timbul bagi maknum yang berada dalam Masjidil Haram walaupun mereka berada jauh daripada imam atau berada di tingkat atas dan sebagainya kerana mereka masih dikira berada dalam satu tempat iaitu Masjidil Haram.

Adapun jika imam berada di dalam Masjidil Haram manakala maknum pula berada di tempat selain Masjidil Haram seperti di luar Masjidil Haram atau di bangunan lain selain Masjidil Haram, maka syarat-syarat sah *iqtida'* dalam keadaan ini adalah seperti berikut:

1. Maknum hendaklah mengetahui perpindahan imam dari satu rukun ke satu rukun yang lain supaya maknum dapat mengikuti perbuatan-perbuatan imam. Mengetahui perpindahan imam dari satu rukun ke satu rukun yang lain ini dapat dilaksanakan sama ada dengan melihat imam atau mana-mana maknum lain yang mengikuti imam yang sama, atau dengan mendengar suara imam atau suara *muballigh*. Maksud *muballigh* di sini ialah sesiapa sahaja daripada kalangan maknum ataupun bukan maknum yang menyaringkan suaranya pada tempat tertentu seperti takbir dan salam sebagai pemberitahuan kepada maknum yang lain mengenai perbuatan imam dalam sembahyang.
2. Jika tidak ada sesuatu yang menjadi penghalang di antara imam dan maknum, maka hendaklah kedudukan (jarak) antara imam dan maknum itu berdekatan iaitu tidak melebihi 300 hasta iaitu kira-kira 185.5 meter. Pengiraan jarak 300 hasta antara imam yang berada di dalam masjid dengan maknum yang berada di luar masjid itu adalah bermula dari hujung (bahagian akhir bangunan) masjid kerana seluruh masjid itu adalah dikira sebagai satu

tempat.

3. Hendaklah imam dan maknum itu tidak dipisahkan oleh dinding yang tidak berpintu atau dinding yang berpintu tetapi terkunci atau dinding yang hanya berjendela kerana kesemuanya itu menghalang maknum daripada lalu menuju kepada imam. Selain itu, hendaklah imam dan maknum itu tidak dipisahkan oleh pintu yang tertutup sekalipun ia tidak berkunci kerana pintu yang bertutup itu menghalang penglihatan maknum kepada imam.
4. Bagi dinding yang terbuka pintunya, disyaratkan supaya ada maknum yang berdiri di hadapan pintu tersebut yang boleh dilihat dan diikut oleh maknum di belakangnya dan maknum yang mengikutnya itu dapat menuju kepada maknum yang berdiri di hadapan pintu itu dengan berjalan biasa tanpa membelaangi kiblat.

Sekiranya perjalannya menuju kepada imam itu menjadikan kiblat berada di kanannya atau di kirinya, maka menurut as-Sayyid al-Jurdani *Rahimahullah* dalam kitabnya *Fath al-'Allam*, yang demikian itu tidak menjelaskan sembahyang maknum.

Maka berdasarkan penjelasan di atas, hukum sembahyang maknum yang berada di luar Masjidil Haram atau mana-mana tempat seperti hotel, kedai atau jalan raya dengan mengikut imam yang berada di dalam Masjidil Haram adalah tertakluk kepada syarat-syarat di atas. Sekiranya semua syarat berkenaan dipenuhi, maka sah sembahyang dan sah *iqtida'* maknum tersebut. Sebaliknya, jika tidak memenuhi mana-mana syarat sah di atas, maka sembahyang dan *iqtida'* maknum tersebut tidak sah dan wajib *i'adah* (diulang atau diqadha) sembahyangnya.

Demikian penjelasan mengenai kedudukan sembahyang yang dilakukan di luar Masjidil Haram mengikut imam di dalam Masjidil Haram.

Sentiasalah berdoa kepada Allah walaupun hanya perkara kecil

Allah Subhanahu Wata'ala, ia menzahirkan sifat kehambaan, kekurangan dan rendah diri serta harapan seorang hamba kepada Tuhan yang menciptakannya dan mentadbir segala urusannya. Seseorang yang berdoa, dia sedar bahawa dirinya yang serba kekurangan dan lemah, maka dia mengharap dengan berdoa kepada Tuhan yang sentiasa mengasihinya agar mendengar pemintaannya.

Oleh itu, menjadi kewajipan bagi setiap muslim agar tidak mengabaikan doa di dalam hidupnya sama ada ketika susah mahupun senang termasuklah dalam perkara memohon keberkatan. Justeru, berdoalah kepada Allah Subhanahu Wata'ala walau sekecil-kecil perkara atau permintaan. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajar umatnya untuk sentiasa berdoa memohon keberkatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala. Imam Abu Daud meriwayatkan dalam kitab sunannya, daripada Al-Hasan bin

'Ali berkata :

"Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah mengajar aku beberapa kalimah yang ku ucapkan dalam Sembahyang Witir iaitu : "Ya Allah! Berikanlah aku hidayah sebagaimana mereka yang telah Engkau beri hidayah. Berikan kesihatan kepadaku sebagaimana mereka yang telah Engkau berikan kesihatan. Dan peliharalah aku sebagaimana orang-orang yang telah Engkau pelihara. Berilah keberkatan kepadaku pada apa-apa yang telah Engkau kurniakan. Dan selamatkan aku (dengan rahmat Allah) dari bahaya yang telah Engkau tentukan. Maka sesungguhnya Engkaulah yang menghukum dan bukannya yang dihukum. Dan sesungguhnya tidak akan hina orang-orang yang Engkau pimpin. Dan tidak mulia orang yang Engkau musuhi. Maha Suci Engkau wahai Tuhan kami dan Maha Tinggi".


Dalam hadis Imam Al-Bukhari dalam kitab shahihnya meriwayatkan bahawa Nabi

Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam pernah diminta untuk mendoakan Anas Radhiallahu 'anhu, lalu Baginda pun berdoa agar beliau diberikan keberkatan. Daripada Anas Radhiallahu 'anhu berkata :

"Ibu saya berkata : Wahai Rasulullah! Berdoalah untuk pelayan anda ini, iaitu Anas." Maka Baginda berdoa : "Ya Allah! Perbanyakkanlah hartanya, anak-anaknya dan berkatilah apa-apa yang Engkau berikan kepadanya".

Doa adalah senjata bagi orang-orang yang beriman. Doa adalah kekuatan batin, pembuka pintu rezeki, jalan menuju keberkatan, dan kemenangan dunia akhirat. Pada hakikatnya, doa adalah sebuah harapan. Segala yang tidak mungkin akan menjadi mungkin atas kehendak-Nya. Oleh itu, janganlah timbul perasaan letih atau bosan dalam berdoa kerana berdoa itu hendaklah disertai dengan niat yang tulus ikhlas, bersungguh-sungguh serta yakin doanya akan dimakbulkan.

Oleh itu, berdoa itu bukanlah hanya ketika ditimpah musibah dan dalam kesusahan. Janganlah kita berdoa ketika kita hanya menghendaki sesuatu manfaat dan apabila sudah kita memperolehnya, kita lenyap dan tidak lagi terus memerlukan bantuan Allah Subhanahu Wata'ala. Percayalah bantuan Allah itu hadir apabila pemohon itu menurut perintah-Nya dan meninggalkan larangan-Nya.



(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

MAKKAH ialah sebaik-baik tempat di muka bumi. Peluang menjelaskan kaki ke Makkah merupakan suatu kesempatan yang diidam-idamkan oleh seluruh umat Islam. Tidak semua umat Islam berpeluang untuk menjelaskan kaki ke tanah yang mulia itu kerana adanya halangan tertentu dari segi kewangan, kesihatan, masa dan sebagainya.

Apabila berada di Makkah, salah satu peluang yang tidak wajar dilepaskan ialah mengerjakan semua sembahyang, sama ada fardhu atau sunat di Masjidil Haram kerana ganjaran pahala mengerjakan sembahyang di Masjidil Haram lebih besar daripada pahala mengerjakannya di masjid-masjid yang lain termasuk Masjid Nabawi. Jabir bin 'Abdullah Radhiallahu 'anhuma meriwayatkan bahawa Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam bersabda:

Maksudnya: (Satu) sembahyang di masjidku ini (Masjid Nabawi) lebih afodal daripada 1000 sembahyang di (masjid)




BERDOA dan memohon pertolongan kepada Allah Subhanahu Wata'ala merupakan suatu tuntutan agama yang paling utama. Ia mempunyai kaitan dengan kesempurnaan iman dan Islam. Mereka yang tidak berdoa kepada Allah Subhanahu Wata'ala diumpamakan sebagai orang yang sompong. Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Ghafir, ayat 60 yang mafhumnya :

"Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina".

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa Allah Subhanahu Wata'ala memberikan jaminan akan mengabulkan setiap permintaan hamba-Nya yang berdoa kepada-Nya. Doa tidak pernah sia-sia. Apabila seseorang berdoa dengan penuh pasrah dan merendahkan jiwa kepada Allah Subhanahu Wata'ala, itu pasti mustajab. Itulah janji Allah. Cumanya, bilakah ia dimustajabkan dan dalam rupa atau keadaan yang bagaimana ia dimustajabkan itu merupakan pilihan Allah untuk hamba-hamba-Nya.

Doa memiliki kedudukan yang tinggi di sisi

"DAN Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku memperkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadat kepada-Ku akan masuk neraka Jahanam dalam keadaan hina".



Kesihatan penting untuk kehidupan berkualiti

Oleh dan Foto : Marlinawaty Hussin

CORAK pemakanan harian memberi kesan kepada kesihatan kita kerana pengambilan makanan berkhasiat membantu menjaga kesihatan yang optimum, mencegah pelbagai penyakit dan memberi kita tenaga untuk melakukan aktiviti harian. Pada masa ini, pelbagai pilihan produk makanan dan minuman boleh didapati dengan mudah di pasaran.

Walaupun kita digalakkan untuk memakan banyak sayur-sayuran dan buah-buahan dalam diet sehari-hari bagi membekalkan tubuh badan kita dengan pelbagai jenis vitamin dan mineral, tidak dinasikan ramai individu yang masih membeli makanan dan minuman yang berproses atau makanan segera.

Justeru, penting bagi kita membaca dan memahami label yang terdapat pada pembungkus makanan dan minuman bagi memudahkan kita merancang pemakanan yang seimbang dan membuat pilihan yang lebih sihat untuk diri sendiri serta keluarga.

Label makanan mengandungi maklumat penting termasuk senarai bahan, kandungan nutrisi, saiz hidangan, nama pengilang atau pengimport; berat, tarikh luput dan butiran lain mengenai produk berkenaan.

Pada label itu juga tertera maklumat mengenai jumlah tenaga, gula, garam, vitamin, mineral dan nutrien bagi setiap

hidangan.

Antara maklumat penting yang perlu diambil tahu oleh pengguna ialah senarai bahan yang digunakan dalam produk tersebut bagi membolehkan mereka mengenal pasti alahan (alergen) atau bahan yang ingin dielakkan.

Maklumat ini menyenaraikan secara terperinci kesemua bahan yang digunakan untuk membuat produk itu mengikut turutan dengan bahan utama disenaraikan di hadapan sekali.

Lazimnya, minuman dalam tin atau botol mengandungi kandungan gula sangat tinggi dan ia merupakan salah satu bahan utama yang digunakan untuk menghasilkan produk tersebut. Oleh itu, pengambilannya perlu dihadkan.

Selain itu, label pada pembungkus makanan dan minuman turut mengandungi maklumat mengenai saiz hidangan bagi membantu para pengguna memahami berapa banyak hidangan yang disarankan bagi keseluruhan bungkus produk tersebut.

La juga memaparkan jumlah makronutrien seperti lemak, karbohidrat dan protein; mikronutrien seperti vitamin dan mineral; serat dan gula dalam saiz hidangan yang disarankan.

Sementara itu, maklumat lain termasuk jumlah kalori membantu pengguna untuk mengetahui berapa jumlah tenaga yang diperoleh dari pengambilan makanan

berkenaan, selain membantu pengguna menguruskan pengambilan kalori sehari-hari.

Manakala maklumat mengenai kandungan alergen seperti kacang, susu, telur, gandum dan ikan membantu pengguna yang mempunyai alahan terhadap bahan berkenaan untuk mengelakkan diri daripada mengambil makanan tersebut.

Meskipun label makanan dapat menyediakan maklumat berharga, terdapat beberapa perkara yang perlu diambil perhatian.

Ada pengeluar makanan yang memasarkan produk mereka sebagai makanan sihat tetapi sebenarnya mengandungi gula tersembunyi yang boleh membuatkan kita mengambil had pengambilan gula harian melebihi jumlah yang disarankan.

Makanan dan minuman seperti susu berperisa, yogurt, roti, granola, vitamin kanak-kanak dan bijirin sarapan (cereal) mungkin mengandungi gula yang tinggi. Jadi, pastikan untuk membaca keseluruhan label pada pembungkus sebelum membeli produk tersebut.

Sesetengah pengeluar makanan juga menyembunyikan jumlah gula dalam produk mereka dengan menyenaraikan 'gula' di bawah beberapa nama yang berlainan seperti sukrosa, fruktosa, sorbitol, maltodekstrin dan sirap jagung.

Selain itu, pengguna perlu peka dengan

kandungan garam yang terdapat dalam makanan dengan menggunakan nama natrium atau sodium yang banyak terdapat dalam makanan dalam tin atau berproses.



Sesetengah makanan dalam tin mengandungi jumlah sodium atau gula yang boleh melebihi pengambilan harian yang disarankan termasuk sup, buah dan sayur dalam tin.

Walaupun garam adalah penting untuk metabolisme tubuh dalam jumlah yang kecil, pengambilan yang berlebihan boleh meningkatkan risiko tekanan darah tinggi dan penyakit kardiovaskular.

Banyak manfaat dapat diperoleh dengan mengamalkan membaca dan memahami label makanan terutama bagi individu yang menghidap penyakit seperti tekanan darah tinggi dan diabetes yang memerlukan diet yang sihat dan seimbang bagi mengawal penyakit berkenaan.

Label makanan memberikan pelbagai maklumat untuk membantu pengguna membuat pilihan serta membandingkan setiap produk; dan melindungi kita daripada mengambil garam serta gula secara berlebihan.

Oleh itu berhati-hatilah dalam setiap pengambilan pemakanan agar kesihatan terjaga. Kehidupan yang berkualiti akan menyebabkan awda lebih bersemangat, berupaya melakukan perkara yang awda inginkan serta sentiasa positif.





Hargai jasa, pengorbanan anggota Bomba dan Penyelamat

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman

Foto : Jabatan Penerangan

KEUPAYAAN dalam melaksanakan tugas mengikut keperluan masyarakat menyebabkan peranan anggota Bomba dan Penyelamat bukan saja tertumpu kepada panggilan kebakaran, tetapi jauh lebih kompleks apabila turut mengenai mangsa kemalangan, bencana alam seperti tanah susur dan sebagainya.

Kenyataannya bukan mudah untuk melahirkan individu bergelar anggota bomba. Mereka ini merupakan aset bernilai dan paling dekat dengan masyarakat untuk isu penyelamatan. Meskipun wujud persepsi latihan untuk menjadi anggota bomba tidak sehebat unit beruniform lain, sebenarnya ia tidak tepat kerana mereka perlu mempunyai pelbagai ilmu dan kemahiran untuk menyelamat.

Hari Anggota Bomba Sedunia disambut di seluruh dunia pada 4 Mei setiap tahun dan bertujuan menzahirkan penghargaan di atas komitmen dan dedikasi anggota Bomba dan Penyelamat yang merupakan barisan hadapan termasuklah di Negara Brunei Darussalam bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan rakyat di negara ini. Hari Bomba Sedunia ini juga merupakan simbolik komitmen dan dedikasi anggota bomba untuk sentiasa menjadi benteng hadapan dan tiang utama negara bagi menjamin kesejahteraan dan keselamatan seluruh rakyat.

Penubuhan Jabatan Bomba dan Penyelamat

Pada tahun 1960, iaitu sejak Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP) ditubuhkan di bawah pentadbirannya sendiri dan dipisahkan di bawah kawalan Pasukan Polis yang dikenali sebagai Unit Pemadam Api ketika itu. Kini JBP kian matang dari pelbagai sudut terutamanya dalam menjalankan tugas menyelamat.

Tugas, tanggungjawab dan pengorbanan keanggotaan

JBP sepanjang penubuhannya juga turut memperlihatkan kecekapannya dalam menjalankan tugas mereka yang bukan hanya memadam kebakaran tetapi juga memberikan perkhidmatan lain yang diperlukan rakyat. Ini termasuklah daripada sekecil-kecil kecemasan seperti menyelamatkan haiwan yang terperangkap hingga membawa kepada sebesar-besarkan kecelakaan seperti insiden lemas, kemalangan jalan raya atau kebakaran hutan yang luas. Pastinya pasukan 'Wira Merah' jugalah yang akan dicari untuk menjalankan tugas yang diperlukan dan serba mencabar juga membahayakan diri mereka sendiri yang bukan hanya dilaksanakan oleh anggota kaum adam bahkan juga kaum hawa iaitu anggota bomba wanita dan ini juga disertakan dengan peralatan serta jentera yang termoden.

Peranan jabatan ini semakin mencabar dan

memerlukan keanggotaan yang berkemahiran dan profesional dalam melaksanakan tugas mereka serta sanggup menghadapi pelbagai risiko pada bila-bila masa walaupun terpaksa berkorban nyawa.

Selaku rakyat yang sentiasa mementingkan kesejahteraan negara, kita turut merasa optimis negara akan dapat melahirkan komuniti yang berdaya tahan (*community resilience*) serta mampu mengadaptasi konsep penyelamat rakyat (*citizen lifesaver*) dalam kehidupan sehari-hari terutama ketika berdepan sebarang situasi kecemasan atau bencana.

Di negara kita Brunei Darussalam, anggota Bomba dan Penyelamat sentiasa memberikan komitmen tinggi untuk memperkuatkan kapasiti serta keupayaan pasukannya sama ada dari aspek dasar, aset dan jentera mahupun kebajikan para 'Wira Merah'. Komitmen mereka terhadap tugas sungguh luar biasa kerana sentiasa mendahulukan kepentingan orang lain berbanding diri sendiri. Kerana itu jugalah kita sepatutnya bersama-sama menzahirkan betapa rapatnya hubungan bomba dengan masyarakat.

Selaras dengan aspirasi negara, JBP Negara Brunei Darussalam terus komited dan sentiasa bersiap siaga untuk meningkatkan penyampaian perkhidmatan penyelamatan dan kecemasan dengan memperluaskan jangkauan perkhidmatan yang lebih berkesan, selari dengan norma serta kehendak masyarakat di negara ini.

Tidak dinafikan salah satu daripada perkara asas dalam bidang kebombaan adalah kemahiran dan kompetensi yang cukup

bagi membolehkan anggotanya responsif terhadap insiden. Namun JBP di negara kita juga perlu menerangkan elemen kerohanian baik kepada anggotanya, juga masyarakat sekeliling.

Tahniah kepada Jabatan Bomba dan Penyelamat Negara Brunei Darussalam

Sempena dengan Hari Bomba Sedunia ini juga diucapkan tahniah dan terima kasih kepada seluruh anggota JBP negara kerana melaksanakan tugas dengan berani dan penuh dedikasi dalam memberikan khidmat yang terbaik kepada masyarakat. Kita juga sangat menyantung tinggi serta menghargai pengorbanan seluruh anggota Bomba dan Penyelamat di Negara Brunei Darussalam yang memikul tugas dan tanggungjawab tanpa menghirau masa dan penat lelah selain turun padang memberikan bantuan khidmat sebagai barisan hadapan bersama-sama petugas lain dalam usaha mengekang penularan COVID-19 yang melanda di negara ini sebelum ini.

Akhir kata, perit jerih serta pengorbanan nyawa dan masa yang diberikan serta dijalankan oleh anggota bomba dan penyelamat di negara kita ini sewajarnya diberikan penghargaan yang setimpal dan kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini wajarlah untuk menghargai jasa anggota bomba kerana pasukan itu sanggup mempertaruhkan keselamatan diri sendiri demi menyelamatkan nyawa orang lain. Awdalah wira negara!



AIDILFITRI AKRABKAN PERSAHABATAN



MANTAN / warga Penerangan yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan juga tidak ketinggalan dalam bersama-sama memeriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri dengan bertemakan 'Menyantuni Keakraban Persahabatan Abadi'.

Oleh : Haji Jaafar Haji Ibrahim
Foto : Ihsan Hamadi
Haji Mohammad

BANDAR SERI BEGAWAN, Isnin, 6 Mei - Mantan / warga Penerangan yang telah bersara dari perkhidmatan kerajaan juga tidak ketinggalan dalam bersama-sama memeriahkan Sambutan Hari Raya Aidilfitri sungguhpun bulan Syawal telah memasuki hari ke-25 hari ini.

Majlis Muhibah Silaturahim Hari Raya Aidilfitri Mantan / Warga Penerangan telah dilangsungkan baru-baru ini di Rasa Ceria Cafe, Telanai Hall, Telanai Avenue di ibu negara, di sini.

Majlis yang bertemakan

'Menyantuni Keakraban Persahabatan Abadi' berkenaan dianjurkan oleh Jawatankuasa Ad-Hoc Mantan Penerangan yang telah diwujudkan sejak 2018 dengan dihadiri oleh hampir 80 mantan penerangan dan keluarga masing-masing.

Pertemuan dan perkumpulan dalam satu majlis yang cukup indah permai berkenaan mencerminkan dan menterjemahkan betapa utuh dan kukuhnya ikatan jalinan tali silaturahim dalam kalangan mantan Penerangan.

Sebagai ristaan bersama juga, Alhamdulillah dengan kesepakatan dan permuaafakan ahli-ahli jawatankuasa, sambutan pada

hari ini merupakan kali ketiga diungkayahkan.

Sambutan pertama kalinya diadakan pada 23 Jun 2019 bertempat di Stadium Restoran, Stadium Negara Hassanal Bolkiah Berakas anjuran bersama Jabatan Penerangan dan mantan / warga Penerangan; dan pada 31 Mei 2021 diadakan di Al-Afiah Hotel.

Seperi majlis sambutan yang sudah, sambutan berkebajikan berkenaan diungkayahkan dengan hasrat dan matlamat bagi merapatkan hubungan silaturahim kalangan mantan dan warga Penerangan serta saling mengukuhkan ikatan jalinan setia

kawan dan persahabatan dalam suasana harmoni.

Di samping itu, ia juga sebagai wadah bagi berinteraksi, bertukar-tukar idea dan pandangan yang menjurus kepada manfaat dan kebaikan bersama, dan menjadi landasan yang kukuh ke arah menjalin simpulan persaudaraan serta membina satu semangat setia kawan yang erat lagi akrab.

Majlis juga turut diserikan dengan persembahan nyanyian dan cabutan 'Silaturahim Aidilfitri'.

Menurut, Setiausaha mantan Penerangan, Awang Haji Jaafar bin Haji Ibrahim, perkumpulan kerabat

Penerangan yang bertunjangan silaturahim dianjurkan dengan kesepakatan semua Jawatankuasa Ad-Hoc mantan Penerangan yang telah pun bermesyuarat pada 26 November 2023 bagi merangka atur cara majlis dan pengisian atur cara.

"Alhamdulillah impian murni itu terjelma hari ini di mana perkumpulan sebumbung mantan dan warga Jabatan Penerangan berserta keluarga masing-masing telah dapat direalisasikan dengan jayanya.

"InsyaAllah majlis yang serupa juga akan diadakan pada 2025 sempena bulan Syawal juga," ujar beliau lagi.

Majlis Ramah Mesra Hari Raya kukuhkan silaturahim

Berita dan Foto : Ihsan Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Setia Ali



MASJID Setia Ali, Pekan Muara mengadakan Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bersama para jemaah masjid berkenaan (kiri), manakala gambar kanan, cabutan bertuah juga diadakan bagi memeriahkan lagi majlis tersebut.

MUARA, Isnin, 6 Mei. - Memasuki minggu terakhir Syawal, Sambutan Hari Raya Aidilfitri masih terus giat diadakan oleh pelbagai lapisan masyarakat di negara ini termasuk anjuran masjid-masjid dan surau-surau.

Sehubungan dengan itu, Masjid Setia Ali, Pekan Muara pagi tadi juga tidak ketinggalan mengadakan

Majlis Ramah Mesra Hari Raya Aidilfitri bagi para jemaah Masjid Setia Ali, Pekan Muara yang diungkayahkan oleh kalangan Ahli Jawatankuasa Takmir (AJKT) Masjid Setia Ali, baru-baru ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Ketua Kampung Kapok, Awang Shahminan bin Haji Abdul Rahman, yang juga selaku Pemangku Ketua Kampung

Masjid Lama, Pekan Muara, Sabun dan Pelumpong.

Terdahulu dalam ucapan alu-aluan, Awang Nasehin bin Haji Yahya, selaku Pengurusi Majlis menjelaskan acara tahunan berkenaan dianjurkan bagi menyemarakkan lagi masjid dan mengukuhkan lagi tali silaturahim dalam kalangan ahli-ahli jawatankuasa dan para

jemaah masjid.

Antara pengisian atur cara majlis diselitkan dengan cabutan bertuah yang diselang-selikan dengan beberapa persembahan lain daripada wakil Muslimah, belia dan belianwanis Masjid Kampung Setia Ali.

Bagi memberkati majlis, Doa Selamat dibacakan oleh Awang Nasehin.

Hadir sama pada majlis berkenaan ialah Penasihat AJKT Masjid Setia Ali, Awang Haji Mohammad bin Haji Md. Yassin; Ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Takmir Masjid Setia Ali; Penyelia Hal Ehwal Muslimah Masjid Setia Ali, Dayang Hajah Sinega binti Haji Swadi; serta para jemputan khas.

PUSAT KAJIAN MALAYSIA PERTAMA DI JEPUN DIBUKA, TINGKAT PROMOSI PENYELIDIKAN DUA NEGARA

KUALA LUMPUR, 6 Mei. - Pusat Kajian Malaysia yang pertama di Jepun kini dibuka bertujuan mempromosikan penyelidikan berkaitan Malaysia dari perspektif kemanusiaan dan sains sosial.

Menurut satu kenyataan oleh Kedutaan Besar Malaysia di Jepun berkata, pembukaan pusat kajian itu

juga bagi menggalakkan kerjasama penyelidikan antarabangsa dengan memberi tumpuan terhadap isu-isu sosial di kedua-dua negara.

Duta Besar Malaysia ke Jepun, Datuk Shahril Effendi Abd. Ghany berkata hubungan akrab di antara kedua-dua negara yang terbentuk sejak tahun 1957 berperanan

penting kepada pembangunan sumber manusia, terutamanya melalui perwujudan Dasar Pandang ke Timur atau Look East Policy (LEP) pada tahun 1981.

"Selama bertahun-tahun, LEP telah menjadi salah satu pemangkin kepada anjakan pertumbuhan ekonomi dan pendidikan di Malaysia melalui penekanan terhadap pemindahan kemahiran, budaya kerja, pengetahuan, disiplin dan nilai-nilai murni masyarakat Jepun melalui penglibatan pelajar-pelajar dan pelatih-pelatih Malaysia yang menyambung pelajaran dan latihan di Jepun," kata Shahril Effendi.

Beliau yang juga merasmikan pusat kajian itu juga menambah pembukaan pusat kajian itu juga bertepatan dengan objektif Perkongsian Strategik dan Komprehensif Malaysia-Jepun

yang diumumkan oleh kedua-dua pemimpin negara pada Disember tahun lepas.

Majlis turut dihadiri oleh Presiden Universiti Soka, Prof Suzuki Masashi; Dekan Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof Dr. Kadaruddin Aiyub dan Dekan Fakulti Seni dan Sains Sosial, Universiti Malaya (UM), Prof Dr. Hanafi Hussin.

Masashi berkata pusat kajian itu juga bakal memainkan peranan dalam meningkatkan wacana ilmiah dalam bidang kemanusiaan dan sosial sains.

Masashi juga yakin bahawa pusat kajian itu akan dapat berfungsi sebagai mercu tanda kerjasama penyelidikan antarabangsa dengan memberi tumpuan kepada cabaran-cabaran masyarakat yang didepani

oleh kedua-dua negara.

Kerjasama di antara Universiti Soka dan institusi-institusi akademik di Malaysia telah bermula sejak tahun 1988 apabila Pengasas Universiti Soka, mendiagn Dr Daisaku Ikeda memulakan kerjasama dengan UM.

Kerjasama itu telah membuka peluang bagi pertukaran akademik, penganjuran simposium serta inisiatif penyelidikan berimpak tinggi.

Kini, Universiti Soka turut melebarkan rangkaian pendidikannya di Malaysia dengan membuka Sekolah Antarabangsa Soka di Negeri Sembilan dan Tadika Seri Soka di Cheras, Selangor. - ©BERNAMA

Festival Hari Muzium Antarabangsa 2024 di Pulau Pinang dijangka terima 200,000 pengunjung

KUALA LUMPUR, 6 Mei. - Festival Hari Muzium Antarabangsa 2024 yang akan berlangsung di Dewan Sri Pinang, Padang Kota, Pulau Pinang dari 13 hingga 22 Mei ini dijangka menarik kunjungan 200,000 pelawat secara fizikal dan juga dalam talian.

Pengarah Muzium Tekstil Negara yang juga Setiausaha Jawatankuasa Induk Festival Hari Muzium Antarabangsa Peringkat Kebangsaan 2024 Tengku Intan Rahimah Tengku Mat Saman berkata pelbagai pengisian telah diatur yang menyediakan kelainan untuk memberi impak tinggi kepada pengunjung.

"(Sambutan) Di peringkat kebangsaan kali ini, Pulau Pinang menjadi tuan rumah... kita menerapkan penggiliran pameran, dan festival ini menyaksikan penyertaan 38 agensi, institusi dan muzium yang akan berkampung di Dewan Sri Pinang," katanya ketika menjadi tetamu program Apa Khabar Malaysia terbitan Bernama TV.

Banyak program diatur sepanjang festival selama 12 hari itu, antaranya acara sukan di Padang Kota, sukan pantai di Batu Ferringhi di samping pameran dan program-program yang dapat membantu pengunjung termasuk kanak-kanak dari segi pencambahan ilmu dan idea-idea baharu.

Makluman dan informasi lanjut berkenaan Festival Hari Muzium Antarabangsa 2024 boleh diperoleh dengan melayari Facebook dan Instagram rasmi Jabatan Muzium Malaysia.

Hari Muzium Antarabangsa disambut pada 18 Mei setiap tahun berdasarkan resolusi International Council of Museums (ICOM) sejak 1977. - ©BERNAMA

Korban banjir di selatan Brazil meningkat kepada 75 orang

SAO PAULO, 6 Mei. - Angka kematian akibat banjir di negeri Rio Grande do Sul, selatan Brazil sejak 29 April lepas telah meningkat kepada sekurang-kurangnya 75 orang, menurut agensi Pertahanan Awam dalam laporan terbarunya pada Ahad, lapor Xinhua. Seramai 155 orang cedera dan 103 lagi masih hilang manakala 107,600 penduduk telah dipindahkan ke tempat selamat di 334 daripada 496 bandar di negeri itu.

Menurut agensi Pertahanan Awam, kira-kira 780,000 penduduk telah terjejas banjir dengan beribu-ribu orang terpaksa meninggalkan kediaman mereka dengan bot atau naik ke atas bumbung dengan harapan dapat diselamatkan oleh helikopter. Sementara itu, Gabenor Rio Grande do Sul Eduardo Leite menyifatkan keadaan di negerinya umpama sebuah 'medan perang'. - ©BERNAMA

Columbia University batalkan konvokesyen berikut demonstrasi pro-Palestin yang berterusan

NEW YORK, 7 Mei. - Columbia University di New York yang menyaksikan demonstrasi mengutuk serangan Israel ke atas Semenanjung Gaza dan bersolidariti dengan Palestin, mengumumkan pada Isnin pembatalan majlis konvokesyennya minggu depan.

Pihak universiti itu berkata ia akan meninggalkan majlis konvokesyen utama yang dijadualkan pada 15 Mei dan sebaliknya akan menganjurkan beberapa siri kecil majlis itu, lapor agensi berita Palestin (WAFA).

Pergerakan pelajar itu tercetus di Amerika Syarikat (AS) pada 18 April, apabila pelajar melakukan mogok duduk sebagai tanda protes kepada serangan Israel ke atas Semenanjung Gaza di kampus Columbia University di sini, dan menuntut supaya pentadbiran universiti menghentikan kerjasama dengan universiti Israel dan menarik balik pelaburannya dalam syarikat yang menyokong pendudukan rejim Zionis.

Pelajar di universiti-universiti AS sedang berusaha meningkatkan tekanan kepada pentadbiran AS supaya menarik pelaburan daripada negara yang menduduki dan syarikat yang menyokongnya serta memboikot universiti Israel yang terlibat dalam genosid penduduk Palestin.

Pergerakan pelajar untuk menyokong Palestin yang tidak pernah berlaku sebelum ini di Amerika Syarikat juga merebak ke universiti-universiti di Perancis, United Kingdom, Jerman, Kanada, Switzerland, India dan Australia. - ©BERNAMA

UAE umumkan kejayaan hantar 400 tan bantuan makanan kepada penduduk Gaza

ABU DHABI, 6 Mei. - Emiriah Arab Bersatu (UAE) menerusi kerjasama rapat dengan American Near East Refugee Aid (Anera), mengumumkan kejayaan penghantaran 400 tan bantuan makanan kepada penduduk Gaza, yang dikhususkan kepada utara Semenanjung Gaza.

Agensi Berita Emiriah melaporkan penyampaian dan pengagihan makanan untuk menyelamatkan nyawa itu bagi 120,000 orang, sejarar dengan komitmen UAE untuk menyediakan bantuan dan menangani krisis kemanusiaan di Gaza.

Menyatakan kerjasama Antarabangsa Reem Al Hashimy berkata kejayaan penghantaran dan pengagihan bantuan makanan ke Semenanjung Gaza dengan selamat, terutamanya utara Gaza menandakan peningkatan ketara dalam tindakan itu.

"Kami tetap kekal komited dalam

pendirian kami bersolidariti dengan rakyat Palestin bagi mengurangkan penderitaan penduduk di Semenanjung Gaza. UAE yang bekerjasama dengan rakan antarabangsa semakin yakin dari sebelum ini untuk memperhebatkan lagi segala usaha bagi memastikan bantuan itu sampai kepada mereka yang amat memerlukan," katanya.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Anera, Sean Carroll berkata pertubuhan itu dan mereka yang menerima perkhidmatannya amat menghargai bantuan daripada kerajaan dan rakyat UAE, yang membolehkan mereka menyampaikan bantuan makanan ke utara Gaza.

Berikutnya peruntukan US\$15 juta di bawah Dana Amalthea untuk menyokong penghantaran bantuan ke Gaza, UAE terus bekerjasama dengan rakan dan badan antarabangsa untuk menyampaikan bantuan dan

makanan melalui jalan darat, laut dan udara bagi mengukuhkan tindak balas kemanusiaan dan memenuhi keperluan penduduk di Semenanjung itu.

UAE telah menyampaikan lebih daripada 31,000 tan bekalan kemanusian segera termasuk makanan, item keperluan dan perubatan, diantar menerusi 256 penerbangan, 46 jatuh udara, 1,231 trak dan enam kapal. Tambahan pula, UAE telah memulakan beberapa projek bantuan mampang lain untuk membekalkan air dan makanan kepada penduduk di Gaza.

Usaha ini termasuk membina lima bakeri automatik bagi memenuhi keperluan 72,000 orang, membekalkan tepung kepada lapan bakeri sedia ada untuk memenuhi keperluan 17,140 orang dan membina enam loji penyahmasinan yang memberi manfaat kepada 600,000 orang sehari. - ©BERNAMA

Malaysia tambah 10 lagi kontena bantuan ke Gaza

KUALA LUMPUR, 7 Mei. - Malaysia menambah 10 lagi kontena Bantuan Kemanusiaan Kecemasan ke Gaza, Palestin menjadikan keseluruhan kontena yang dihantar sebanyak 110 kontena, kata Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Nik Nazmi Nik Ahmad.

Beliau yang mewakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi pada pelancaran misi itu di Kaherah, Mesir semalam, berkata kontena itu mengandungi makana asas seperti beras dan tepung selain kit kebersihan diri termasuk tuala wanita.

"Penambahan 10 lagi buah kontena menjadikan jumlah

keseluruhan sebanyak 110 buah kontena dengan nilai RM12 juta yang boleh memanfaatkan 60,000 keluarga di Gaza," katanya menerusi hantaran di Facebook hari ini.

Turut hadir pada pelancaran misi bantuan oleh Majlis Perundingan Pertubuhan Islam Malaysia (MAPIM) itu ialah Presiden MAPIM, Mohd Azmi Abdul Hamid dan ketua misi bantuan, Sani Araby Abdul Alim Araby.

Penghantaran 100 kontena yang merangkumi 1,358 tan barang ke Gaza sebelum ini telah dilancarkan Ahmad Zahid di Pangkalan Udara Tentera Udara Diraja (TUDM) Subang, Selangor pada 23 Mac lepas.

Pada hantaran itu, Nik Nazmi berkata hubungan diplomatik yang

baik antara Malaysia dan Mesir termasuk peranan langsung Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim membolehkan kontena Malaysia yang membawa barang bantuan itu melalui perjalanan yang lancar.

Beliau juga menegaskan Malaysia akan kekal lantang dan 'punching above our weight' dalam isu kemanusiaan seperti aparteid, Palestin dan Bosnia yang menjadi tradisi sejak awal kemerdekaan negara.

"Dunia maju bercakap tentang sifar bersih karbon tetapi tidak tegas isu letupan berterusan, pencemaran air kritikal dan kerosakan tanah di Gaza," katanya. - ©BERNAMA

2 maut, lebih 20 cedera dalam serangan pisau ke atas hospital di China

BEIJING, 7 Mei. - Sekurang-kurangnya dua orang terbunuh manakala 23 lagi cedera dalam serangan menggunakan pisau di

sebuah hospital di wilayah barat daya Yunnan di China, lapor Sputnik.

Menurut laporan stesen penyiar Guangzhou yang memetik

beberapa sumber pada Selasa, serangan itu berlaku di sebuah hospital di Zhenxiong County. - ©BERNAMA



BSRC FC YOUTH ACADEMY 'A' JULANG PIALA PRESIDEN BSRC 'GRASSROOTS' U10



PRESIDEN Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff semasa bergambar ramai bersama juara kejohanan Piala Presiden BSRC 'Grassroots' U10 iaitu pasukan Brunei Shell Recreation Club (BSRC) FC Youth Academy 'A'.

Oleh : Haniza Abdul Latif

Foto : Ihsan Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam

KUALA BELAIT, Isnin, 6 Mei. - Pasukan Brunei Shell Recreation Club (BSRC) FC Youth Academy 'A' berjaya menjuarai kejohanan Piala Presiden BSRC 'Grassroots' U10 dengan mengutip 16 mata.

Sementara itu, Pasukan Brazillian Football Academy (BFA) dan Pasukan DASH Junior Soccer 'A' masing-masing menduduki tempat kedua dan ketiga.

Presiden Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD), Awang Haji Feisal bin Haji Mohd. Eusoff hadir selaku tetamu kehormat menyaksikan kejohanan dan

seterusnya menyampaikan hadiah-hadiah kepada pemenang bagi kejohanan berkenaan pada perlawanan yang diadakan di Padang BSRC, di sini.

"Saya rasa amat teruja menyaksikan kejohanan yang dikendalikan dengan jayanya ini. FABD akan terus menyokong apa saja acara yang dilaksanakan oleh pihak akademi di peringkat daerah-daerah," jelasnya.

Pada kejohanan ini katanya, pemain-pemain akar umbi telah mempermerk bakat yang tinggi dan mempunyai potensi cerah untuk diserapkan ke peringkat yang

lebih mencabar.

Pada perkembangan yang lain menurutnya, FABD juga menyusun program yang melibatkan penyertaan peringkat grassroots dalam masa terdekat.

Katanya, hasrat FABD untuk merubah landskap bola sepak negara telah merangka beberapa strategi menerusi program-program dan aktiviti-aktiviti bola sepak bagi semua peringkat di seluruh negara.

Sebanyak tujuh pasukan yang menyertai kejohanan termasuk BSRC FC Academy 'A'; BSRC FC Academy 'B'; DASH Football Academy; SHADA FT; DASH Juniors Soccer 'A'; DASH Juniors Soccer 'B' dan

Brazilian Football Academy (BFA).

Kejohanan anjuran Kelab Bola Sepak BSRC itu dihasratkan untuk meningkatkan reputasi dan memupuk pemain-pemain akar umbi Kelab BSRC, di samping menyokong aktiviti sukan terutama dalam komuniti di Daerah Belait dan bagi program akademi ke peringkat Kebangsaan.

Juga hadir ialah Naib Presiden BSRC, Dayang Siti Azzahra binti Haji Hanafi; Pemangku Setiausaha Agung FABD, Awang Haji Matali bin Haji Tahir; dan Ahli-ahli Jawatankuasa Eksekutif FABD, Pengiran Jamilah binti Pengiran Haji Bujang, dan Pengiran Haji Jufry bin Pengiran Haji Tejudin.

NBD rangkul pingat gangsa dalam Kejohanan SEAKF Ke-11

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman
Foto : Ihsan Persatuan Karate Shitoryu Brunei Darussalam

BANDAR SERIBEGAWAN, Isnin, 6 Mei. - Pasukan Kebangsaan Brunei Darussalam baru-baru ini menyertai Kejohanan Persekutuan Karate Asia Tenggara (SEAKF) Ke-11 yang berlangsung di Thailand pada 25 hingga 27 April 2024.

Seramai 15 atlet kebangsaan diiringi oleh tiga jurulatih kebangsaan dari Jabatan

Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan serta beberapa delegasi dari Persatuan Karate Brunei Darussalam telah pun menyertai kejohanan tersebut dalam kategori-kategori yang dipertandingkan iaitu acara Kumite dan Kata.

Pada kejohanan tersebut, atlet negara, Muhammad Azizul Aafii

bin Mohammad Nazeri berjaya memperoleh satu pingat gangsa bagi Kategori Kadet Persendirian Kumite +70 kilogram.

AWANG Muhammad Azizul Aafii bin Mohammad Nazeri berjaya memperoleh pingat gangsa bagi Kategori Kadet Persendirian Kumite +70 kilogram.



BERITA-BERITA HARIAN BOLEH DIIKUTI DI LAMAN SESAWANG : www.pelitabrunei.gov.bn

DOA ADALAH SENJATA BAGI ORANG YANG BERIMAN